

BAB 6

KETAKSAMAAN KUASA DALAM FILEM-FILEM TAMIL MALAYSIA


6.0. Pengenalan

Kuasa adalah sebuah lagi aspek yang mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kelompok masyarakat. Pada umumnya kuasa adalah dirujuk sebagai suatu kebolehan individu atau golongan masyarakat untuk membuatkan orang lain atau golongan lain bagi mengikuti dan melakukan perkara-perkara yang dikehendaki oleh mereka (Liza Langenbach, 1995, p.664). Kuasa dapat mengawal dan mempengaruhi individu atau pihak lain (Saul Newman, 2008, p.412). Hal ini dirujuk sebagai sifat dominasi terhadap individu atau pihak lain (Berry, 1974, p.133). Kuasa juga memberikan ruang kepada pemiliknya untuk melakukan sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh orang biasa. Dengan itu mereka juga memperoleh kemewahan, prestij, peluang dan faedah-faedah tertentu. Kuasa adalah asas kepada pemerintahan dan pentadbiran (Judah Matras, 1975, p.48).

Analisis ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia berasaskan FFTM (filem-filem Tamil Malaysia) dalam bab ini adalah dilakukan berdasarkan unsur kuasa. Hal ini diteliti berdasarkan adegan-adegan dalam FFTM. Dalam bab ini, kajian dimulakan dengan pembinaan konsep secara ringkas terhadap subjek-subjek

perbincangan. Hal ini diikuti dengan penerangan tentang adegan-adegan yang berkaitan dengan unsur kuasa yang terpapar dalam FTMM (data). Setelah itu, analisis dilakukan untuk menggambarkan ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia berasaskan kuasa yang berfokus kepada persoalan bagaimana terhasilnya ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka. Rajah berikut menggambarkan kerangka perbincangan keseluruhan dalam bab ini:-

Rajah 6.1. : Kerangka perbincangan kuasa



Berdasarkan rajah di atas, kajian pada bab ini dilakukan terhadap dua faktor utama (gender dan politik/pentadbiran) yang mempengaruhi kewujudan kuasa dalam kehidupan sosial kelompok masyarakat India Malaysia. Kedua-dua faktor ini adalah dipilih berdasarkan penelitian terhadap FFTM. Dalam faktor gender, kajian dilakukan terhadap tiga subjek iaitu kedudukan kuasa antara kaum lelaki dan wanita, kehilangan kedudukan kaum lelaki dan penindasan terhadap wanita.

penindasan terhadap kaum wanita. Seterusnya, kajian mengenai politik/pentadbiran pula dilakukan terhadap subjek-subjek seperti kuasa dalam politik, kuasa agensi kerajaan dan kuasa sebagai ketua / pengurus.

Kesemua subjek perbincangan ini juga dipilih berdasarkan data yang dikutip daripada adegan-adegan dalam FFTM. Kesemua subjek ini juga dianalisis berasaskan perbezaan kedudukan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat melalui kuasa. Perbezaan yang wujud daripada kuasa ini diteliti berfokus kepada unsur ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia.

6.1. Kuasa Gender

Gender adalah suatu stratifikasi sosial yang wujud secara semula jadi yang membawa kepada perbezaan antara kaum lelaki dan perempuan (Kerbo, 2012, p.285). Gender pada umumnya dapat ditafsirkan sebagai suatu pembinaan sosial yang berkaitan dengan biologi dan jantina yang membentuk pemahaman tentang individu dalam pengkategorian lelaki dan perempuan (Bonnie Slade, 2008, p.625). Perbezaan yang wujud secara semula jadi antara kaum lelaki dan wanita ini telah membentuk ciri-ciri yang berbeza dan juga mendedahkan kepada pengalaman yang berbeza di antara mereka (Kerbo, 2012, p.286).

Secara amnya kaum lelaki dirujuk sebagai golongan yang bersifat kuat dari segi mental dan fizikal (Chorn Dunham, 1995, p.561). Kaum perempuan pula secara semula jadi dicirikan sebagai golongan yang lebih bersifat kasih sayang, lemah lembut dan beremosi (Kerbo, 2012, p.285). Perbezaan yang wujud secara semula jadi ini telah melahirkan ketaksamaan sosial antara kedua-dua golongan ini.

Dalam bahagian ini, perbezaan dan ketaksamaan sosial ini diteliti dalam tiga aspek iaitu apakah kedudukan lelaki dan wanita dalam institusi keluarga, bagaimanakah kaum lelaki kehilangan kedudukan mereka dalam sosial khususnya dalam institusi keluarga dan penindasan terhadap kaum wanita dalam kehidupan sosial.

6.1.1. Kedudukan Kuasa Lelaki Dan Wanita Dalam Keluarga

Keluarga dapat didefinisikan sebagai suatu kumpulan sosial yang mempunyai atau dihubungkan melalui pertalian darah dan perkahwinan atau pengambilan anak angkat. Keluarga memainkan peranan sosial yang penting dengan menambah bilangan anggota masyarakat melalui perkahwinan (Schneider David, 1984, p.182) Ibu bapa adalah dipertanggungjawabkan untuk menjaga, memperbesarkan dan membudayakan anak-anak mereka (Russon, 2003, pp.61-68).

Dalam sesuatu institusi keluarga, kaum lelaki berperanan sebagai suami, ayah, anak lelaki, abang dan sebagainya. Mereka biasanya menjadi ketua keluarga. Kaum lelaki dipertanggungjawabkan untuk memenuhi kehendak ahli keluarganya dalam segala aspek. Oleh yang demikian, dalam sesebuah keluarga kaum lelaki didapati mempunyai kuasa yang lebih tinggi berbanding dengan kaum wanita (Lesser Blumberg, 1990, p.81). Biasanya kaum wanita dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal-hal dalaman sesuatu keluarga. Namun demikian kaum lelaki adalah yang menjadi pembuat keputusan dalam institusi keluarga (Catharine A. MacKinnon, 1989, p.31). Kadang kala kaum wanita juga mendapat kedudukan sebagai ketua keluarga. Namun demikian kuasa yang dimiliki oleh kaum wanita masih menjadi suatu persoalan sama ada ia sama taraf dengan kaum lelaki atau sebaliknya.

Kaum wanita mempunyai kedudukan tertentu dalam kehidupan sosial. Walau bagaimanapun mereka biasanya mencapai kedudukan yang kedua dalam kehidupan sosial. Kaum lelaki diberikan keutamaan dalam keluarga berbanding dengan kaum wanita (Ridgeway & David Diekema, 1992, p.160). Teori feminisme menyatakan bahawa kaum lelaki dan wanita adalah mempunyai sumbangan yang sama dalam pembentukan kehidupan sosial yang sempurna. Namun demikian, kaum lelaki dan wanita mempunyai kepentingan dan pendapatan ekonomi yang berbeza antara satu sama lain (Bonnie Slade, 2008, p.625). Hal ini diteliti dalam bahagian ini berdasarkan FFTM untuk mengenalpasti ketaksaman sosial yang wujud antara kedua-dua gender ini.

6.1.2. Maklumat Aspek Kedudukan Kuasa Lelaki dan Wanita Dalam Keluarga Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa hanya tiga buah filem iaitu *Chemman Chaalai*, *Aandal* dan *Dhusrajanam* memuatkan maklumat mengenai aspek kedudukan kuasa lelaki dan wanita dalam keluarga.

Keseluruhan filem *Chemman Chaalai* menggambarkan kedudukan ayah Shalu (Ravi) sebagai ketua keluarga dan mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan hal ehwal keluarganya. Dalam keseluruhan filem ini ibu Shalu tidak pernah kelihatan memanggil suaminya dengan menggunakan nama beliau. Dalam sebuah adegan, ayah Shalu digambarkan telah mengaturkan perkahwinan anak perempuannya tanpa meminta keizinan anaknya. Setelah itu, beliau digambarkan bertanya pada anak tersebut tentang pendapatnya mengenai menantu pilihannya. Manakala anaknya pula menyatakan bahawa dia sanggup berkahwin dengan sesiapa juga yang menjadi pilihan ayahnya (01.23.00). Dalam sebuah lagi situasi, seorang saudara Shalu digambarkan menghulurkan bantuan kewangan dan emas kepada emak Shalu untuk melangsungkan perkahwinan anaknya. Tetapi emak Shalu pula tidak menerima bantuan tersebut dan menyatakan bahawa dirinya harus mendapatkan kebenaran daripada suaminya sebelum boleh menerima bantuan tersebut (00.35.33).

Seterusnya, dalam adegan klimaks filem *Aandal*, seorang doktor yang menitikberatkan kebajikan diri Aandal digambarkan menyatakan padanya bahawa dia sudi berkahwin semula dengan Aandal dan menerima anak kandungannya bagaikan anak

sendiri. Tetapi Aandal pula menolak tawaran doktor tersebut dan ingin berdikari tanpa bantuan kaum lelaki kerana tidak mahu hidup semula dalam dominasi kaum lelaki (01.47.28).

Manakala dalam filem *Dhusrajanam* pula watak Karuppu (wanita) digambarkan sebagai ketua keluarga yang terdiri daripada adik sendiri (Maari) dan adik angkatnya (Kuttan). Dalam filem ini walaupun watak Karuppu digambarkan sebagai ketua keluarga, tetapi watak Maari sentiasa digambarkan berlawanan kata dengan segala tindakan dan menolak keputusan yang diambil oleh kakaknya. Dalam sebuah adegan, watak Karuppu digambarkan menyatakan pada rakanya bahawa Maari telah menghabiskan duit simpanan keluarga dalam usaha memulakan sebuah perniagaan. Beliau turut menyatakan bahawa Maari melawan balik pada dirinya apabila meminta balik duit tersebut. Karuppu juga turut digambarkan menyesal dengan sikap Maari yang tidak menghormati dirinya dan tidak bertanggungjawab (00:21:30).

6.1.3. Analisis

Daripada adegan-adegan yang tersenarai di atas dalam FFTM, didapati bahawa kaum lelaki menjadi paling berkuasa berbanding dengan kaum wanita dalam institusi keluarga kelompok masyarakat India Malaysia. Walaupun kaum wanita digambarkan sebagai ketua

keluarga dalam filem *Dhusrajanam*, tetapi beliau tidak digambarkan memiliki kuasa mutlak terhadap keluarganya sepertimana yang dimiliki oleh kaum lelaki.

Teori semiotik menyatakan bahawa sesuatu tanda atau identiti adalah terhasil daripada makna yang terbentuk daripada warisan, budaya, tradisi, pencapaian ketamadunan, ajaran agama, pendidikan dan sebagainya. Manakala kesemua identiti dan tanda ini adalah menjadi suatu kebiasaan dan membawa makna yang luas apabila digunakan secara luas dan berterusan dalam sesuatu golongan masyarakat (Preucel, 2010, p.8) Berdasarkan teori ini, kuasa kaum lelaki India dalam keluarga mereka adalah sesuatu yang telah diinstitusikan sejak zaman awal lagi dalam kalangan kelompok masyarakat India.

Jika dilihat pada sistem keluarga dari segi agama Hindu mahupun budaya kehidupan orang India, kaum lelaki biasanya digambarkan sebagai golongan yang paling berkuasa dalam sesuatu keluarga. Institusi keluarga yang berdasarkan agama Hindu menyatakan bahawa kaum lelaki dipertanggungjawabkan untuk menjaga kaum wanita. Kaum lelaki pula sebagai ayah, suami dan anak dipertanggungjawabkan untuk menjaga segala kebajikan kaum wanita sebagai anak perempuan, isteri dan juga emak (Smith, 2001, p.99).

Pada masa yang sama hal ini tidaklah dilihat sebagai suatu unsur penguasaan dalam institusi keluarga tetapi dilihat sebagai tanggungjawab kaum lelaki terhadap wanita kerana dalam agama Hindu kaum wanita dirujuk sebagai simbol maruah keluarga (Thatchinamurthy, 2001, p.150). Agama Hindu menyatakan bahawa suami dan isteri harus mempunyai pemahaman yang serasi serta harus hormat menghormati antara satu-sama lain. Walaupun kaum lelaki dikatakan berada pada kedudukan yang tinggi dari segi kuasa, kaum wanita dipertanggungjawabkan untuk membentuk keluarga yang harmoni serta menasihati suaminya dalam segala aspek dalam institusi keluarga mahupun dalam hal-hal duniawi yang lain (Smith, 2001, p.99).

Jika dilihat pada zaman sangam pula (300sm-300m), kaum wanita didapati mempunyai kebebasan dalam kesemua aspek sosial termasuk dalam institusi keluarga. Namun demikian kaum lelaki yang digambarkan sebagai ketua dan pembuat keputusan dalam keluarga. Manakala isteri pula dirujuk sebagai harta kepada suami dan mereka harus mematuhi kehendak suami (Thatchinamurthy, 2001, p.78-81). Ayah juga menjadi orang yang berkuasa dalam memutuskan tentang hal perkahwinan kepada anak perempuan (*Puranaanuuru*, 343: 11-13). Keadaan ini dengan jelasnya digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai* menerusi keputusan ayah Shalu terhadap perkahwinan anak perempuan sulungnya tanpa mendapat keizinan anaknya.

Weber (1947, p.328) menyatakan bahawa, dominasi melalui kuasa dalam kalangan masyarakat berlaku secara tradisi, undang-undang dan juga karisma. Pandangan Weber

mengenai kuasa ini juga sesuai digunakan untuk memberikan makna kepada kewujudan kuasa kaum lelaki dalam institusi keluarga orang India. Hal ini kerana kuasa lelaki ini adalah dijadikan sebagai tradisi dalam keluarga orang India sejak zaman awal lagi (Thatchinamurthy, 2008, p.83).

Kuasa dominasi kaum lelaki terhadap kaum wanita dalam keluarga orang India Malaysia didapati masih diteruskan. Dalam institusi keluarga orang India Malaysia, kaum lelaki didapati masih tidak disenangi dengan perkahwinan cinta khususnya cinta anak perempuan mereka kerana dianggap ia adalah hak ibu bapa untuk menentukan jodoh kepada anak perempuan (Vimala Nair, 1997, p.16). Dalam filem *Chemman Chaalai*, walaupun ayah Shalu digambarkan bersetuju dengan cinta anak perempuannya tetapi pada mulanya hal ini didapati mendapat bantahan daripada pakcik Shalu. Situasi ini menggambarkan kuasa kaum lelaki dalam bentuk dominasi mereka terhadap kehidupan kaum wanita dalam keluarga masyarakat India.

Sehingga hari ini, kaum lelakilah yang menjadi golongan yang paling berkuasa dalam keluarga masyarakat India Malaysia. Mereka ini boleh memiliki talian persaudaraan sebagai ayah, suami mahupun abang dan sebagainya, tetapi kedudukan mereka adalah lebih tinggi daripada wanita dalam keluarga (Manimaran & Rajantheran, 2006, p.113). Sebuah kajian Ijazah Sarjana Sastera yang berkaitan dengan masyarakat India Malaysia, menyatakan bahawa kebanyakan wanita India Malaysia didapati masih bergantung kepada kaum lelaki dalam keluarga mereka. Bukan itu sahaja malah lelaki menjadi penentu

keputusan dalam keluarga mereka. Hal ini dikatakan lebih jelas kelihatan dalam keluarga masyarakat India di kawasan ladang (Kalaivani Palaney, 2011, p.58).

Sebuah lagi artikel dalam *Jurnal Pengajian India*, Universiti Malaya yang berkaitan dengan keluarga masyarakat India Malaysia, menyatakan bahawa biasanya dalam keluarga kaum India Malaysia, isteri jarang memanggil suaminya dengan menggunakan nama mereka. Hal ini dikatakan lebih ketara kelihatan dalam kalangan masyarakat India Malaysia sekitar tahun 1980-an dan sebelumnya. Perubahan bentuk kehidupan era masa kini telah membuatkan generasi muda untuk memanggil suaminya dengan menggunakan nama mereka. Namun demikian amalan ini masih diikuti oleh segelintir masyarakat dalam kalangan orang India Malaysia (Manimaran Subramaniam & Rajantheran, 2006, p.113).

Perkara ini pula dimuatkan dalam filem *Chemman Chaalai*. Dalam filem tersebut, ibu Shalu tidak pernah memanggil suaminya dengan menggunakan nama beliau. Budaya orang India melihat hal ini sebagai suatu penghormatan kepada suami. Walaupun hal ini dirujuk sebagai suatu amalan budaya masyarakat India, tetapi sifat ini turut menggambarkan kedudukan tinggi kaum lelaki dalam institusi keluarga kelompok masyarakat India Malaysia. Seperti mana dihuraikan oleh Weber (1947, p.328) bahawa hal ini diinstitusikan melalui tradisi dalam budaya.

Ketaksamaan sosial juga dikatakan boleh dirasai melalui tindakan membuat keputusan. Biasanya membuat keputusan ini adalah dikaitkan dengan kuasa kerana orang yang berautoriti sahaja boleh membuat keputusan. Hal ini juga berkaitan dengan kedudukan individu dalam institusi sosial (Kerbo, 2012, p.10). Aspek ini dilihat sebagai suatu isu yang penting dalam institusi keluarga orang India kerana kaum lelakilah yang biasanya menjadi pembuat keputusan dalam keluarga mereka (Susan Oorjitham, 1984, p.174).

Sebuah penemuan dalam kajian tentang keluarga orang India Malaysia juga turut menyatakan bahawa kaum lelaki dalam institusi keluarga masyarakat India berharap agar kaum wanita khususnya isteri dan anak perempuan mereka tidak melawan keputusan mereka. Mereka juga didapati tidak begitu senang hati dengan keputusan kaum wanita yang dibuat secara persendirian (Susan Oorjitham, 1996, p.122). Keadaan inilah yang digambarkan dalam dua adegan filem *Chemman Chalai*, yang menggambarkan keputusan ayah Shalu tanpa keizinan anak perempuan dalam hal perkahwinan dan juga ibu Shalu yang tidak menerima bantuan daripada saudaranya tanpa kebenaran suami. Hal ini menggambarkan keadaan di mana kaum wanita dalam keluarga orang India Malaysia tidak mempunyai hak untuk membuat keputusan tanpa keizinan kaum lelaki.

Terdapat sebuah pepatah Tamil “*pendirku alagu ethir peesaathiruthal*”, yang membawa maksud bahawa tidak berlawan kata adalah keindahan nilai kaum wanita (Vetri Vetkai, 11). Sebuah kajian Ijazah Sarjana Sastera menyatakan bahawa kaum lelaki India

tidak boleh terima jika kaum wanita menentang keputusan mereka atau berlawan kata dalam keluarga mahupun institusi sosial (Anadai Subramaniam, 2010, p.142).

Konsep kuasa menyatakan bahawa ia mempunyai unsur dominasi yang boleh membawa kesan terhadap individu atau golongan lain sehingga mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh mereka. Ini bermaksud, kuasa boleh mengawal dan dominasi keputusan orang lain (Saul Newman, 2008, p.413). Berdasarkan kenyataan ini dapatlah dikatakan bahawa keadaan kaum wanita dalam keluarga India Malaysia biasanya menghadapi kuasa dominasi kaum lelaki yang menyekat kebebasan mereka walaupun dalam hal perkahwinan mereka sendiri.

Biasanya dalam sesebuah keluarga, kaum lelakilah yang menjadi sumber pendapatan utama dan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi (Smith, 2001, p.97). Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika kaum lelaki memiliki kuasa yang mutlak dalam keluarga. Tetapi pada zaman moden ini kaum wanita juga didapati memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi keluarga (Susan Oorjitham, 1996, p.122).

Sebuah laporan berita yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa kaum wanita kini lebih giat aktif dalam pelbagai industri pekerjaan termasuk bidang profesional. Laporan tersebut turut

menyatakan bahawa tenaga kerja kaum wanita di Malaysia telah meningkat dari 2.7 juta pada tahun 2006 kepada 3.7 juta pada tahun 2007 (Akhbar *Berita Harian*, 2/9/2007, p.14).

Manakala perangkaan terkini tenaga kerja dalam kalangan kaum wanita juga adalah didapati meningkat dari tahun demi tahun. Sila lihat jadual berikut:-

Jadual 6.1: Bilangan tenaga kerja mengikut gender.

Perangkaan	2013		2014	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Tenaga Kerja ('000)	8,485.4	5,149.2	8,579.4	5,362.2

Sumber: *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia* 2014, p.8.

Perangkaan ini menunjukkan bahawa kaum wanita juga memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi dalam keluarga dan juga di negara. Namun demikian, wanita kaum India Malaysia masih didapati tidak mempunyai kedudukan yang sama taraf dengan kaum lelaki dalam institusi keluarga. Sebuah kajian disertasi Ijazah Sarjana Sastera tentang wanita India di Malaysia menyatakan bahawa kaum wanita India di Malaysia didapati mempunyai kedudukan yang stabil dalam bidang ekonomi dan mereka juga memainkan peranan penting pada pertumbuhan ekonomi di keluarga mereka. Namun demikian mereka masih diletakkan pada kedudukan kedua di dalam keluarga mereka. Ini termasuklah dalam hal pengurusan, membuat keputusan dan juga dalam istiadat keagamaan dalam keluarga mereka (Manonmani Devi Annamalai, 2008, p.69).

Keadaan ini adalah suatu realiti sosial kehidupan kelompok masyarakat India Malaysia. Perkara ini digambarkan dengan jelas dalam FFTM *Dushrajanam*. Dalam filem ini, Karuppu yang memainkan peranannya sebagai ketua keluarga digambarkan gagal untuk mengawal adik lelakinya yang tidak bertanggungjawab dan menghabiskan duit simpanannya. Keadaan ini juga menggambarkan situasi di mana walaupun kaum wanita menjadi ketua dalam keluarga tetapi mereka gagal dalam memperoleh kuasa sempurna sepertimana yang dimiliki oleh kaum lelaki. Hal ini dapatlah dibuktikan daripada kenyataan K.S.Susan Oorjitham (1996, p.122) dalam artikelnya *Jurnal Pengajian India*, Universiti Malaya, yang menyatakan bahawa walaupun kaum wanita mempunyai pendapatan yang lebih tinggi tetapi kaum lelaki masih memainkan peranan pembuat keputusan dalam institusi keluarga orang India Malaysia.

Walaupun sifat dominasi kaum lelaki terhadap kaum wanita sudah menjadi suatu kebiasaan dalam kehidupan sosial tetapi kaum lelaki sentiasa dinasihati untuk melayani kaum wanita secara sama rata dalam hidup mereka. Mahatma Gandhi (2005, p.157) menyatakan bahawa kaum wanita adalah insan yang harus dilayani sama rata dengan kaum lelaki dalam kesemua aspek kehidupan kerana mereka adalah bagaikan hadiah yang tidak ternilai dalam dunia. Kenyataan ini dengan jelasnya menunjukkan harapan Mahatma Gandhi yang tidak menginginkan kewujudan ketaksamaan gender dalam kehidupan sosial. Tetapi ketaksamaan ini masih wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia.

Sifat dominasi kaum lelaki dalam institusi keluarga adalah ketaksamaan sosial yang telah menjadi konkrit dalam kehidupan sosial (Hurst, 1992, p.1). Berdasarkan teori struktural-fungsional, hal ini adalah kerana fungsi yang dimainkan oleh kaum lelaki dalam keluarga sebagai ketua keluarga, asas pertumbuhan ekonomi keluarga, penjaga kebajikan ahli keluarga dan sebagainya menstabilkan kedudukannya dalam struktur institusi keluarga (Yorburg, 1982, p.156). Pada masa yang sama bentuk struktur organisasi keluarga juga didapati telah menerima keadaan ini sebagai satu kebiasaan.

Daripada kajian ini didapati bahawa kaum lelaki masih menjadi golongan yang paling berkuasa dalam institusi keluarga kelompok masyarakat India Malaysia. Walaupun kaum wanita mempunyai kekuatan dari segi ekonomi dan menjadi ketua keluarga tetapi mereka masih tidak mempunyai kuasa yang mutlak dalam usaha membuat keputusan dan mengawal ahli keluarga khususnya kaum lelaki. Keadaan ini melahirkan ketaksamaan sosial dari segi gender dalam institusi keluarga orang India Malaysia.

6.1.4. Kehilangan Kedudukan Kaum Lelaki Dalam Keluarga

Kaum lelaki sering kali dirujuk sebagai jantina yang lebih berkuasa dalam kehidupan duniawi khususnya dalam institusi keluarga. Mereka juga dikatakan sebagai golongan yang mendominasi serta membuat keputusan dalam hal-hal duniawi. Kaum lelaki juga

berperanan sebagai pembentuk polisi kehidupan sosial, ekonomi, politik dan institusi keluarga mahupun dalam institusi-institusi yang lain (Bonnie Slade, 2008, p.625).

Biasanya kaum lelaki mempunyai kepentingan dan kedudukan yang lebih tinggi dalam institusi keluarga dan juga dalam kehidupan sosial. Dalam keluarga, mereka memainkan peranan sebagai ketua keluarga. Dalam kehidupan sosial pula mereka memainkan peranan sebagai penentu dan pembuat keputusan (Suzanne Romaine, 2009, p.174). Setiap kedudukan ini membawa kuasa-kuasa tertentu kepada seseorang lelaki. Pada masa yang sama, mereka juga boleh kehilangan kuasa dan kedudukan apabila gagal dalam usaha menjalankan tanggungjawab yang sewajarnya (Sepali Kottegoda, 2006, p.62). Aspek ini jelas kelihatan dalam beberapa FFTM yang terpilih dalam kajian semasa.

6.1.5. Maklumat Aspek Kehilangan Kedudukan Kaum Lelaki Dalam Keluarga Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa hanya tiga buah filem iaitu *Aandal*, *Ethirkalam* dan *Chalanggai* memuatkan maklumat mengenai aspek kehilangan kedudukan dan kuasa kaum lelaki dalam keluarga.

Filem *Aandal* didapati memuatkan beberapa adegan yang menggambarkan kehilangan kedudukan dan kuasa kaum lelaki dalam keluarga. Dalam sebuah adegan, watak Aandal digambarkan berlawan kata pada suaminya Suresh kerana beliau adalah yang menjadi punca utama mengapa dirinya menjadi seorang pelacur (01.35.50). Dalam filem ini, pada mulanya Aandal digambarkan sebagai seorang isteri yang baik dan setia kepada suaminya. Tetapi setelah suaminya menipu dan memaksa dia untuk melibatkan diri dalam pelacuran maka Aandal mula menjadi agresif dan berlawan balik pada suaminya (00.55.32). Dalam sebuah adegan, Aandal digambarkan memarahi suaminya dengan berkata bahawa dia adalah seorang yang tidak bermaruah, penipu dan jahat kerana telah memusnahkan hidupnya dengan menjadikannya sebagai seorang penagih dadah dan pelacur. Dalam situasi yang sama, Aandal turut menampar suaminya. Namun demikian Suresh digambarkan tidak berlawan balik dan hanya berdiam diri (01.35.50).

Dalam filem *Ethirkaalam*, watak Kathir digambarkan kehilangan penghormatan dan kepentingan dalam keluarga apabila keluarganya mengetahui bahawa Kathir telah dibuang daripada kolej dan juga ditahan oleh pihak polis atas kesalahan melibatkan diri dalam aktiviti gengsterisme (01.50.00).

Dalam filem *Chalanggai*, terdapat dua situasi yang menggambarkan kehilangan kedudukan dan kuasa seorang lelaki sebagai suami dan ayah dalam keluarga. Dalam sebuah adegan, ayah Uma digambarkan cuba berjumpa dengan isterinya Muniamma (emak Uma) untuk memberikan duit perbelanjaan keluarga. Tetapi Muniamma pula menolak kerana

suaminya adalah seorang gengster dan tidak memperoleh duit tersebut daripada punca-punca yang halal (00.40.20). Dalam sebuah lagi adegan, ayah Uma dihalau keluar dari rumah oleh anaknya kerana beliau telah terlibat dalam pergaduhan gengster (01.02.47).

6.1.6. Analisis

Berdasarkan penelitian terhadap adegan-adegan dalam FFTM, dapatlah dikatakan bahawa walaupun kaum lelaki dikatakan sebagai gender yang mempunyai kedudukan yang tinggi secara semula jadi dalam kehidupan sosial, tetapi kedudukan itu adalah bersifat boleh mengalami perubahan berdasarkan kelaluan mereka.

Teori struktural-fungsional menyatakan bahawa fungsi yang dimainkan oleh seseorang individu dalam struktur sosial adalah asas dalam usaha menentukan kedudukan mereka. Hal ini kerana, fungsilah yang memberikan justifikasi kepada kedudukan mereka dan mengekalkan kuasa mereka dalam struktur sosial. Pada masa yang sama fungsi ini juga menjadi penting dalam membuatkan masyarakat supaya menerima ketaksamaan yang wujud daripada kedudukan sosial (Merton Robert 1957, p.84). Berdasarkan teori ini, jika manusia tidak memainkan fungsinya berasaskan peranan dan tanggungjawab maka kedudukan dan kuasa mereka juga akan tergugat.

Kajian semasa menemui dua perkara yang boleh menjejaskan kedudukan kaum lelaki dalam institusi keluarga mahupun dalam sosial. Yang pertamanya lelaki akan terjejas kedudukannya dan kuasa apabila mereka gagal dalam usaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Perkara kedua adalah ketiadaan disiplin dan berkelakuan bertentangan dengan etika moral juga boleh membuatkan mereka kehilangan kuasa.

Ketaksamaan sosial dikatakan terbentuk melalui proses hubungan kumpulan atau individu antara satu sama lain dalam usaha mendapatkan pengiktirafan terhadap kedudukannya. Dalam keadaan ini, fungsi individu dalam institusi memainkan peranan penting dalam usaha memberikan pengiktirafan terhadap kedudukan yang dicapai oleh mereka. Pada masa yang sama, manusia juga boleh kehilangan kedudukannya jika mereka tidak memainkan peranannya sepertimana yang ditetapkan dalam kehidupan sosial (Bottomore, 1966, p.15). Berdasarkan kenyataan ini dapatlah dikatakan bahawa peranan dan tanggungjawab ini adalah penting dalam menentukan kedudukan seseorang individu. Hal ini menjadi asas kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

Agama Hindu menyatakan bahawa, kaum lelaki dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan keluarga dan kepentingan ahli keluarga masing-masing (Smith, 2001, p.97). Kaum lelaki yang gagal dalam usaha ini tidak dianggap sebagai lelaki yang sejati. Manakala karyawan agung Tamil Thiruvalluvar pula menyatakan bahawa seseorang ketua keluarga (lelaki) bukan sahaja dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan keluarga,

tetapi juga harus menjaga kebajikan orang alim, miskin dan orang yang meminta bantuan daripadanya (*Thirukkural*, 42).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa kedudukan ketua keluarga adalah suatu tanggungjawab yang lebih besar dan juga amat penting dalam aspek sosiologi. Apabila kaum lelaki didapati tidak mampu untuk menjaga kebajikan keluarganya, maka mereka akan mula kehilangan kuasa dan kedudukan mereka dalam keluarga. Keadaan ini dikatakan akan menjadi lebih teruk apabila mereka memperoleh makanan daripada pendapatan kaum wanita dalam keluarga mereka (Umadevi Prabakaran, 2011, p.128).

A.K.Guna (2006. p.259) dalam sebuah kajian tentang kehidupan sosial masyarakat India Malaysia, menyatakan bahawa kebanyakan penceraian dalam kalangan orang India Malaysia adalah berlaku kerana masalah ekonomi dalam keluarga. Beliau menyatakan hal ini berpunca daripada kaum lelaki yang tidak menjaga kebajikan keluarga dan bergantung kepada pendapatan isterinya. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa lelaki yang gagal dalam usaha menjaga kebajikan keluarga, khususnya menjaga kestabilan ekonomi keluarganya akan kehilangan kedudukan sosialnya dan kuasa yang diharapkan.

Kehidupan masyarakat awal orang India memang menekankan tanggungjawab kaum lelaki dalam usaha menjaga kebajikan keluarga mereka. Tetapi apabila dirujuk kepada kehidupan masyarakat awal orang India, didapati bahawa isteri dalam apa jua

keadaan tidak boleh meninggalkan suami mereka. Walaupun suaminya miskin dan tidak mampu memenuhi keperluan keluarga mereka, tetapi kaum wanita tetap diharapkan setia pada suami dan meneruskan kehidupan mereka bersama suaminya (Thatchinamurthy, 2008, p.84).

Pada zaman moden, konsep ini didapati tidak berfungsi secara sepenuhnya. Sebuah kajian Ijazah Sarjana menyatakan bahawa wanita dalam keluarga India didapati tidak melayani suami yang tidak menjaga kebajikan keluarga dengan baik. Pada masa yang sama keadaan ini dikatakan menjadi lebih rumit apabila kaum lelaki mula berkelakuan kejam terhadap isterinya (Umadevi Prabakaran, 2011, p.128).

Hal ini dengan jelasnya digambarkan dalam FFTM *Ethirkaalam* dan *Chalangai*. Dalam filem *Ethirkaalam*, Kathir digambarkan kehilangan kuasa dan kedudukannya dalam keluarga apabila beliau dibuang daripada kolejnya disebabkan terlibat dalam aktiviti gengsterisme. Manakala dalam filem *Chalangai* pula, Muniamma digambarkan hidup berpisah daripada suaminya kerana beliau tidak bertanggungjawab. Walaupun suaminya cuba berjumpa dengan Muniamma, tetapi beliau langsung tidak melayani suaminya dan menolak bantuan yang dihulurkannya.

Selain itu, melibatkan diri dalam gejala sosial dan tidak berdisiplin juga didapati boleh membuatkan seseorang lelaki kehilangan kedudukannya dalam keluarga dan juga

dalam kehidupan sosial. Penelitian terhadap FFTM menunjukkan bahawa kaum lelaki juga boleh kehilangan kedudukan dan kuasanya dalam keluarga apabila mereka melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai moral. Dalam filem *Aandal*, watak Suresh digambarkan telah menipu dan menjadikan isterinya (Aandal) sebagai seorang penagih dadah dan pelacur. Aandal pada mulanya digambarkan sangat setia dan hormat kepada suaminya. Apabila kehidupannya dihancurkan oleh suami, dia mula bertindak menentang dan melawan suaminya. Dalam sebuah situasi Aandal digambarkan menampar suaminya lalu berlawan dan bertengkar dengan beliau.

Biasanya dalam budaya orang India, isteri sama sekali tidak boleh menampar atau berlawan kata pada suaminya dalam apa jua keadaan (Thatchinamurthy, 2008, p.84). Tetapi kelakuan suaminya yang menjijikkan terhadap dirinya telah membuatkan Aandal bertindak begitu dengan suaminya. Dalam situasi tersebut suaminya juga didapati tidak berlawan balik dengan isterinya dan hanya mendiamkan diri. Apabila hal ini dirujuk kepada penerbit filem ini Sandosh Kesavan, beliau menyatakan bahawa beliau tahu wanita India tidak akan memukul suaminya. Tetapi aniaya yang dilakukan oleh watak Suresh adalah amat teruk sehingga menjadikan isterinya sebagai pelacur dan penagih dadah. Oleh yang demikian, beliau telah membentuk babak yang menggambarkan isterinya menampar suami yang jahat. Beliau turut menyatakan bahawa melalui adegan tersebut beliau ingin memberikan kesedaran kepada watak-watak seperti Suresh supaya mengenali kedudukan mereka dalam keluarga mereka (temu ramah dengan pengarah dan penerbit filem *Aandal* pada 8/1/2014).

Teori konflik menyatakan bahawa penindasan, dan pengawalan golongan berkuasa terhadap golongan lemah akan melahirkan ketegangan antara mereka. Pada akhirnya hal ini akan membawa kepada pemberontakan (Steven Vago, 2004, p.61). Keadaan inilah yang dijelaskan dan digambarkan dalam filem *Aandal*.

Dalam filem *Chalנג္ဂai* pula, watak suami Muniamma digambarkan sebagai seorang yang melibatkan diri dalam gejala sosial dan pergaduhan. Dalam sebuah adegan Siva (anak Muniamma), digambarkan menghalau ayahnya keluar dari rumah kerana beliau terlibat dalam pergaduhan. Hal ini menggambarkan kehilangan kuasa dan kedudukan seseorang lelaki dalam keluarganya apabila melibatkan diri dalam kelakuan yang tidak bermoral. Biasanya seseorang lelaki sebagai ketua keluarga haruslah menjadi contoh teladan kepada ahli keluarga yang lain khususnya kepada anak-anak mereka. Jika mereka berlaku sebaliknya maka tentu akan kehilangan kuasa dalam keluarga mereka (Manimaran Subramaniam & Rajantheran, 2006, p.113).

Secara keseluruhan dapatlah dirumuskan bahawa kuasa dan kedudukan kaum lelaki dalam institusi keluarga mahupun sosial adalah berunsur tidak tetap. Jika kaum lelaki tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna ataupun berkelakuan tidak beretika maka mereka boleh kehilangan kuasa sebagai ketua dalam keluarga. Kedudukan mereka sebagai lelaki sejati juga akan terjejas. Pada masa yang sama keadaan ini juga membuka ruang kepada kaum wanita untuk mengambil alih kedudukan dan kuasa kaum lelaki. Maka

dalam keadaan ini wujudlah ketaksamaan sosial antara gender di mana kedudukan kaum lelaki akan menjadi lebih rendah berbanding dengan kaum wanita.

6.1.7. Penindasan Terhadap Kaum Wanita

Dalam pengajian gender, kaum lelaki dan wanita adalah dibezakan dalam pelbagai aspek iaitu secara semula jadi dan juga secara sosiologi. Dari segi sistem biologinya, kaum wanita secara semula jadi dicirikan sebagai kaum yang lebih bersifat kasih sayang, lemah lembut dan beremosi (Kerbo, 2012, p.285). Manakala kaum lelaki pula secara semula jadinya disifatkan sebagai golongan yang lebih kuat dari segi fizikalnya dan berani serta bersifat dominasi (Chorn Dunham, 1995, p.561). Hal ini membentuk suatu perbezaan antara kaum lelaki dan wanita.

Bukan itu sahaja, malah keadaan ini membuatkan kaum lelaki supaya memandang rendah terhadap kaum wanita. Kadang-kala hal ini juga membuka ruang untuk kaum lelaki melakukan penindasan dan buli terhadap kaum wanita. Keadaan ini turut digambarkan dalam FFTM.

6.1.8. Maklumat Aspek Penindasan Terhadap Kaum Wanita Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa enam daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek penindasan terhadap kaum wanita.

Jadual 6.2: Maklumat aspek penindasan terhadap kaum wanita dalam FFTM.

No	Filem	Penindasan Terhadap kaum Wanita
1	<i>Chemman Chaalai</i>	√
2	<i>Aandal</i>	√
3	<i>Uyir</i>	
4	<i>Ethirkalam</i>	
5	<i>Chalנגgai</i>	√
6	<i>Vajram</i>	
7	<i>Adutha Khatam</i>	√
8	<i>Ops Kossa Dappa 3</i>	√
9	<i>Kaliyugha</i>	
10	<i>Olli</i>	
11	<i>Olipathivu</i>	
12	<i>Dhusrajanam</i>	
13	<i>Maraimugam</i>	√

Kajian terhadap filem *Chemman Chaalai* memuatkan sebuah situasi yang kurang memberikan kepentingan kepada kaum wanita. Dalam sebuah adegan pada filem tersebut, seorang kerani ladang digambarkan menasihati ayah Shalu supaya jangan memberikan pendidikan tinggi kepada anak perempuannya. Beliau turut menyatakan bahawa pendidikan kepada anak perempuan tidak akan membawa sebarang manfaat kepada mereka pada alam tua (00.37.28).

Selain itu, filem *Aandal* juga didapati memuatkan beberapa babak yang menggambarkan penindasan terhadap kaum wanita. Dalam sebuah babak, watak makcik Asha digambarkan menasihati watak Suresh supaya jangan mempermainkan Aandal (wirawati), tetapi Suresh pula digambarkan membuli dan memberi amaran kepada makcik Asha supaya jangan campur tangan dalam hal keluarga mereka (00.32.00).

Dalam filem ini Suresh digambarkan menyewa rumah milikan makcik Asha. Dalam sebuah adegan yang lain makcik Asha menyuruh Suresh untuk meninggalkan rumahnya. Tetapi Suresh pula melawan balik makcik Asha dan berkata bahawa dia tidak akan meninggalkan rumah tersebut. Dalam keadaan ini makcik Asha digambarkan tidak dapat berbuat apa-apa kerana takut akan sifat agresif Suresh (00.41.00). Dalam filem ini Suresh telah menjadikan Aandal (isteri) sebagai seorang penagih dadah dan dengan itu dia telah memaksanya untuk melakukan aktiviti pelacuran. Aandal pula digambarkan tidak dapat melawan balik Suresh kerana dirinya sudah menjadi penagih teruk yang tidak boleh hidup tanpa dadah (00.53.09). Suresh juga digambarkan mendera isterinya dalam pelbagai cara seperti menyuruh Aandal untuk menjilat kakinya, marah dan sebagainya (00.43.40).

Seterusnya, dalam sebuah adegan filem *Chalanggai*, watak Siva digambarkan mengacau dan membuli beberapa orang wanita yang berjalan di tepi jalan raya (00.09.37). Keadaan yang sama turut digambarkan dalam filem *Maraimugam*, di mana dalam sebuah adegan tujuh orang lelaki digambarkan mengacau Valli semasa beliau dalam perjalanan pulang ke rumah (00.46.24).

Selain itu, dalam filem *Adutha Khattam*, watak Arvind (watak jahat) digambarkan mengugut Rekha (wirawati) yang telah tersangkut padanya di sebuah hutan. Dalam situasi tersebut Arvind telah memaksa Rekha untuk mengadakan hubungan seks dengannya. Arvind juga digambarkan memukul Rekha yang tidak ikut pada kehendaknya (00.48.00).

Dalam filem *Ops Kossa Dappa 3* pula, watak Eswar digambarkan menculik dan memaksa beberapa orang gadis untuk melibatkan diri mereka dalam pelacuran (00.39.40). Manakala dalam adegan yang lain pula, watak Vasiji digambarkan menampar rakan wanitanya dan menuduh bahawa dia yang menyebabkan kumpulannya gagal dalam pertandingan menari (00.51.30).

6.1.9. Analisis

Memandang rendah dan membuli wanita oleh kaum lelaki adalah suatu gejala yang kian lama sudah wujud dalam kehidupan sosial. Sebab itulah wujudnya pemikiran feminisme untuk memberikan kesedaran dan keyakinan kepada kaum wanita serta memperjuangkan hak asasi mereka. Pemikiran feminisme ini telah tersebar di seluruh pelosok dunia untuk membangunkan kepentingan kaum wanita. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa ada juga golongan yang masih belum menyedari akan kepentingan pemikiran dan gerakan feminisme (Umadevi Prabakaran, 2011, p.123).

Sebuah kajian Ijazah Sarjana Sastera yang berkaitan dengan isu feminisme wanita India Malaysia menyatakan bahawa kaum wanita India Malaysia khususnya mereka yang berada di kawasan ladang masih tidak mempunyai kesedaran secara mendalam tentang kepentingan feminisme. Mereka masih didapati bergantung pada suaminya dalam institusi keluarga mahupun hal ehwal luar. Hal ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pendidikan dalam kalangan mereka (Palani Krishnasamy, 2011, p.55).

Jika dilihat pada penelitian terhadap adegan-adegan dalam FFTM yang tersenarai, dapatlah dikatakan bahawa penindasan terhadap kaum wanita ini telah digambarkan dalam tiga bentuk iaitu keganasan terhadap kaum wanita dalam keluarga dan di luar, buli wanita dan tidak mementingkan pendidikan wanita.

Keganasan terhadap kaum wanita adalah suatu perkara yang serius dan sebuah gejala sosial yang harus diatasi. Kaum lelaki yang ingin menempatkan kuasa dan kedudukan terhadap kaum wanita dalam keluarga melakukan keganasan terhadap kaum wanita. Hal ini juga disebabkan oleh sifat dominasi kaum lelaki terhadap kaum wanita yang sudah berakar umbi sejak lama lagi (Vimala Nair, 1997, p.16). Perkara ini jelas kelihatan dalam kalangan kaum wanita India Malaysia kerana secara tradisinya kaum lelaki khususnya suami adalah digambarkan sebagai orang yang paling mulia kepada mereka (Ahchee Subramaniam, 1995, p.89).

Selain itu, ada antara kaum lelaki yang tidak menghargai pengorbanan kaum wanita kepada mereka. Golongan ini didapati bertindak kejam terhadap wanita. Hal ini merupakan suatu kesalahan jenayah di sisi undang-undang Malaysia. Tetapi bukannya semua kes seperti ini dilaporkan kepada pihak polis. Berikut adalah jadual yang menggambarkan bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat:-

Jadual 6.3: Kes yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2000-2005

Tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Bilangan kes	478	587	598	636	560	421

Sumber: <http://www.kpwkm.gov.my/>, dirujuk pada 12/10/2014, pukul 10.15am.

Perangkaan ini menggambarkan keganasan rumah tangga adalah stabil dan hanya didapati berkurangan pada tahun 2005. Namun demikian, ia tidak menampakkan suatu perbezaan yang ketara. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa keganasan terhadap kaum wanita menjadi suatu masalah sosial yang berterusan dan memerlukan perhatian serta tindakan yang lebih berkesan.

Seorang ahli politik yang bernama G.Vimala Nair (1997, p.16) telah menghasilkan sebuah buku yang berkaitan dengan undang-undang keganasan rumah tangga untuk memberikan kesedaran dalam kalangan kaum India Malaysia khususnya kaum wanita tentang masalah ini. Dalam bukunya, beliau menyatakan bahawa, kebanyakan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di Malaysia adalah berpunca daripada masalah arak, dadah dalam kalangan kaum lelaki yang membuatkan mereka tidak sedar apa yang

dilakukan oleh mereka. Manakala sebuah lagi kajian menyatakan bahawa beberapa sebab lain seperti prasangka terhadap kelakuan isteri, masalah ekonomi dan sebagainya menjadi punca kepada keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita India di Malaysia (Guna, 2006, pp.87-89).

Hal ini dengan jelasnya digambarkan dalam filem *Aandal* di mana demi memperoleh wang, watak Suresh menjadikan isterinya (Aandal) sebagai seorang penagih dadah dan pelacur. Suresh juga digambarkan menyeksa Aandal dalam pelbagai cara seperti mengugut, menyuruh dia menjilat kaki dan sebagainya.

A.K.Guna menyatakan bahawa keganasan dalam kalangan kaum wanita adalah suatu masalah yang harus dipandang serius. Tetapi kebanyakan kaum wanita India tidak ingin membuat laporan polis terhadap hal ini kerana mereka masih menyayangi suami mereka dan beranggapan bahawa tidak baik membuat laporan terhadap suaminya yang boleh menjejaskan maruah rumah tangga (temu ramah dengan Pegawai Pengurus Program Kanan, Yayasan Strategik Sosial, pada 25/6/2014).

Kaum wanita juga didapati memikul tanggungjawab yang tinggi dalam keluarga mereka. Kaum wanita juga kini bekerja sepertimana kaum lelaki. Pada masa yang sama mereka juga bekerja sebagai pekerja tanpa upah dalam keluarga (Manonmani Devi Annamalai, 2008, p.69). Soosan Oorjitham (1996, p.122) menyatakan bahawa kaum wanita

India di Malaysia didapati memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan turut memenuhi segala keperluan dalam keluarga sebagai pekerja tanpa upah. Mereka adalah orang yang paling awal bangun dan paling lewat tidur dalam sesebuah keluarga. perkara ini menggambarkan keadaan kaum wanita dalam sesebuah keluarga yang tidak mendapat kedudukan dan penghargaan yang sewajarnya.

Bukan itu sahaja, malah mereka juga didapati menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan sosial di alam kerja dan di dunia luar. Filem *Adutha Kattam* menggambarkan situasi watak Rekha yang cuba dirogol oleh watak Arvind. Arvind juga memukul dan menyeksa Rekha yang tidak bersetuju dengan permintaannya. Keadaan Rekha yang tersangkut di sebuah hutan pada waktu malam telah membolehkan Arvind menggunakan peluang tersebut untuk berkelakuan buruk terhadap Rekha. Keadaan ini juga adalah suatu penindasan terhadap kaum wanita. Manakala kaum wanita yang tidak berani untuk menentang kaum lelaki juga menjadi punca kepada berlakunya kes rogol dan penindasan (Mackinnan, 1987, p.88).

Jadual 6.4: Jumlah kes rogol di Malaysia pada tahun 2012.

No	Agenda	Bilangan Kes
1.	Kes rogol bawah umur yang dilaporkan kepada polis.	2,974
2.	Kes rogol yang tidak dilaporkan kepada pihak polis.	1252

Sumber: Wan Hamzah Bin Wan Paie, <http://www.moha.gov.my/> dirujuk pada 2/5/2014, pukul 11.00pm.

Jadual di atas menunjukkan bilangan kes rogol di Malaysia pada tahun 2012. Perangkaan ini sudah memadai akan keseriusan gejala ini. Perkara ini adalah terhasil daripada kuasa

yang dimiliki oleh kaum lelaki secara semula jadi dan pandangan masyarakat bahawa kaum wanita adalah lemah dan tidak mungkin mampu melawan kaum lelaki yang dikatakan lebih kuat badan fizikalnya (Mackinnan, 1987, p.6).

Takut, malu, ugutan daripada perogol, perogol yang terdiri daripada ahli keluarga dan sebagainya menjadi beberapa sebab mangsa rogol tidak melaporkan hal ini kepada pihak polis (Guna, 2006, pp.87-116). Sebenarnya keadaan ini lebih melemahkan kedudukan kaum wanita dalam kehidupan sosial mereka dan memberikan keyakinan kepada kaum lelaki yang tidak bermoral supaya terus melakukan penindasan seperti ini terhadap kaum wanita (Mackinnan, 1987, pp.88).

Perbuatan membuli kaum wanita juga adalah sesuatu yang menggambarkan sifat dominasi kaum lelaki terhadap kaum wanita. Adegan-adegan dalam filem *Chalנג္ဂai* dan *Maraimugam* menggambarkan situasi perbuatan membuli kaum wanita. Dalam filem *Maraimugam* watak Valli digambarkan sebagai seorang pelajar seni mempertahankan diri. Tetapi beliau masih digambarkan memperoleh bantuan daripada rakan-rakan lelaki untuk melawan para pembuli yang terlibat.

Keadaan ini berlaku kerana kaum lelaki menganggap kaum wanita adalah lemah dan tidak mampu melawan mereka. Hal ini sedemikian kerana, secara semula jadi kaum wanita adalah dikatakan sebagai golongan yang lemah-lembut dari segi kekuatan fizikal

berbanding dengan kaum lelaki (Kerbo, 2012, p.285). Tetapi kehidupan beretika dan bermoral sama sekali tidak akan menerima penindasan terhadap kaum wanita dalam apa jua bentuk.

Dalam filem *Chemman Chaalai*, seorang kerani ladang digambarkan menasihati ayah Shalu supaya jangan memberikan pendidikan kepada anak perempuan. Isu ini juga dilihat sebagai suatu penindasan terhadap kaum wanita. Kehidupan zaman awal orang Tamil didapati tidak menentang pendidikan terhadap kaum wanita. Pada zaman tersebut kaum wanita telah diberikan pendidikan. Hal ini terbukti daripada kewujudan para penyajak dan cendekiawan dalam kalangan wanita Tamil pada masa tersebut (Thatchinamurthy, 2008, p.542).

Pada masa yang sama tidak dapat dinafikan bahawa orang India didapati mempunyai tanggapan bahawa memberikan pendidikan kepada kaum wanita adalah tidak akan membawa sebarang manfaat kepada mereka pada masa depan. Hal ini kerana wanita yang telah berkahwin harus hidup bersama suaminya. Keadaan ini pula dilihat sebagai perkara yang membuatkan kaum wanita tidak dapat menjaga keluarga ibu bapa mereka (temu ramah dengan Pegawai Pengurus Program Kanan, Yayasan Strategik Sosial, pada 25/6/2014).

Walaupun ada tanggapan yang salah seperti itu, tetapi mendidik kaum wanita adalah dirujuk sebagai suatu perkara yang penting dalam kehidupan sosial. Hal ini kerana kaum wanitalah yang menjadi asas dalam memperbesarkan anak-anak mereka. Maka wanita yang berpendidikan ini didapati berpeluang untuk melahirkan generasi yang berpendidikan (Sanjay, 2005, p.11).

Walau bagaimanapun pada zaman moden ini kaum wanita juga didapati diberikan pendidikan yang sama taraf dengan kaum lelaki, malah lebih daripada kaum lelaki.

Jadual 6.5: Bilangan penuntut mengikut jantina dan tahap pendidikan di universiti awam tahun 2012.

Ijazah Sarjana Muda		Ijazah Sarjana		Ijazah Kedoktoran Falsafah	
Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
112,748	192,393	22,109	32,484	13,944	11,096

Sumber: *Buletin Perangkaan Sosial Malaysia*, 2013, p.87.

Perangkaan ini menunjukkan keadaan di mana kaum wanita adalah lebih giat aktif dalam bidang akademik di mana pencapaian pendidikan mereka adalah lebih baik berbanding dengan kaum lelaki. Manakala sebuah kajian sarjana sastera yang berkaitan dengan kaum wanita India Malaysia juga menyatakan bahawa kaum India juga kini mula berjaya dalam bidang pendidikan dan hal ini dipercayai memberikan segala keyakinan dalam kalangan mereka untuk menghadapi apa jua cabaran kehidupan sosial (Ahchee Subramaniam, 1995, p.90).

Keadaan ini sedemikian kerana pendidikan kepada kaum wanita bukan sahaja menjadikan mereka sebagai orang berpengetahuan tetapi juga akan membawa pendapatan tinggi yang dapat menstabilkan kedudukan ekonomi mereka. Kedudukan ekonomi dengan pendapatan yang tinggi dapat memberikan keyakinan kepada kaum wanita supaya tidak bergantung kepada mana-mana pihak (Soosan Oorjitham, 1996, p.122).

Mahatma Gandhi (2005, p.157) menyatakan bahawa, melihat kaum wanita sebagai golongan yang lemah adalah suatu kenyataan yang tidak benar. Beliau turut menyatakan bahawa kaum lelaki tidak akan membawa apa-apa makna dalam kehidupan tanpa kaum wanita. Oleh yang demikian kaum lelaki harus menghormati kaum wanita kedudukan pada tahap yang sama taraf. Kenyataan beliau ini dengan jelasnya menyatakan kepentingan kaum wanita dalam kehidupan sosial. Namun demikian, kuasa kaum lelaki yang kian lama telah mendominasi kaum wanita telah membuatkan mereka memandang rendah terhadap kaum wanita. Keadaan ini pula telah menyebabkan penindasan terhadap kaum wanita berterusan (Palani Krishnasamy, 2011, p.52).

Secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa penindasan terhadap kaum wanita ini masih wujud dalam kalangan masyarakat India Malaysia dalam pelbagai bentuk. Penindasan ini pula dilihat sebagai sifat dominasi kaum lelaki terhadap wanita dalam institusi keluarga mahupun sosial. Hal ini menggambarkan kelemahan kaum wanita yang wujud secara semula jadi. Kelemahan ini membuka ruang kepada kewujudan ketaksamaan sosial dari sudut jantina antara lelaki dan perempuan.

6.2. Politik Dan Pentadbiran

Politik dan pentadbiran adalah dua perkara yang berkait rapat dengan unsur kuasa. Kedua-dua hal ini memberikan kuasa yang istimewa kepada seseorang individu dalam usaha mengawal segala tindakan sosial sama ada dari segi institusi kerajaan mahupun swasta. Perkara ini juga boleh membuatkan orang lain untuk mengikut kehendak seseorang yang berada dalam sesuatu posisi (Liza Langenbach, 1995, p.664). Kedudukan dalam politik dan pentadbiran dalam kerajaan, agensi swasta mahupun dalam organisasi biasanya dirujuk dengan kuasa yang dapat mengawal tindakan orang lain dalam sesuatu institusi. Politik adalah terbina berasaskan kuasa yang mengawal masyarakat dan pentadbiran negara (Talcott Parson, 1969, p.352).

Dalam bahagian ini kuasa politik dan pentadbiran, dikaji dari segi kuasa yang dimiliki oleh ahli-ahli politik, kuasa agensi-agensi kerajaan dan kuasa yang dimiliki oleh badan pentadbiran swasta.

6.2.1. Kuasa Politik

Politik merupakan sebuah institusi sosial yang melibatkan kuasa dalam usaha mengekalkan struktur sosial masyarakat (Rohana Yusuf, 2010, p.169). Kuasa adalah asas dalam politik dan kedua-dua ini tidak dapat diasingkan (Parson, 1969, p.352). Kuasa politik dalam sesuatu kerajaan akan membina undang-undang negara tersebut dalam usaha mengawal masyarakat dan membuat keputusan bagi pihak masyarakat (Ramanathan, 1999, p.416).

Para ahli politik sama ada dalam kerajaan mahupun parti pembangkang mempunyai sokongan daripada rakyat. Sokongan ini memberikan kuasa kepada seseorang ahli politik untuk mewakili masyarakat yang memberikan sokongan tersebut. Kuasa itu membuka ruang kepada ahli politik untuk melakukan beberapa perkara yang tidak dapat dilakukan oleh rakyat jelata (Rafael Raga Maran, 2001, p.201).

6.2.2. Maklumat Aspek Kuasa Politik Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa hanya filem *Kaliyugha* mengandungi maklumat mengenai aspek kuasa politik. Filem *Kaliyugha* adalah satu-satunya filem yang menyentuh tentang kuasa politik dalam kajian semasa. Dalam sebuah adegan pada filem ini seorang ahli politik

yang berpangkat Datuk digambarkan sebagai seorang yang karismatik dengan berpakaian formal. Rupanya menunjukkan kedudukannya sebagai orang yang berpengaruh kuat dalam politik. Dalam adegan tersebut beliau digambarkan mengarahkan pembantunya untuk membawa kes seorang rakyat jelata yang mengalami masalah perumahan kepada Datuk Bandar. Beliau juga turut digambarkan memarahi dua orang pembantunya yang tidak menjalankan tugas dengan betul di depan rakyat jelata yang telah mengunjungi ahli politik tersebut (00.58.01). Dalam adegan yang lain seorang lagi ahli parlimen digambarkan menyatakan pada rakannya bahawa beliau adalah seorang ahli politik yang berkuasa dan sanggup melakukan apa jua dengan menggunakan kuasa tersebut (01.09.17).

6.2.3. Analisis

Karisma adalah suatu aspek yang memainkan peranan penting dalam usaha menunjukkan kuasa dan pengaruh seseorang ahli politik (Mohd Fadzilah Kamsah & Ahmad Naim Jaafar, 2005, p.28). Hal ini dengan jelasnya dinyatakan dalam filem *Kaliyugha* pada adegan penggambaran ahli politik.

Pengarah filem tersebut S.T.Bala menyatakan bahawa beliau menghasilkan watak politik tersebut dengan berupa karismatik untuk menggambarkan keistimewaan dan berkebolehan ahli politik tersebut. Beliau turut menyatakan bahawa rupa ahli politik adalah

dirujuk sebagai suatu aspek yang penting dalam mempengaruhi masyarakat (temu ramah dengan penerbit dan pengarah filem *Kaliyugha*, pada 18/4/2014). Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa imej luaran seseorang ahli politik juga mampu menggambarkan kedudukan, pengaruh dan kuasa mereka.

Kuasa politik dilihat sebagai kuasa yang mempunyai unsur dominasi yang paling kuat untuk mengawal minda dan bertindak kelompok sosial (Weber, 1947, p.152). Hal ini kerana politik adalah terbina berasaskan sistem pentadbiran masyarakat. Mempengaruhi rakyat adalah dilihat sebagai unsur yang penting dalam sistem politik demokrasi. Dalam keadaan ini seseorang ahli politik terpaksa membuktikan kedudukan mereka untuk membolehkan orang lain percaya kepada mereka (Ramanathan, 1999, p.416). Hal ini juga turut digambarkan dalam filem ini di mana ahli politik tersebut digambarkan memberikan arahan kepada pembantunya untuk membawa kes rakyat jelata tersebut kepada Datuk Bandar. Dalam keadaan ini ahli politik tersebut secara tidak langsung menunjukkan pengaruh beliau dengan pihak atasan dan pentadbiran kerajaan.

Selain itu, kuasa dan kedudukan ahli politik juga adalah ditentukan daripada gelaran-gelaran kehormatan yang diperolehi. Gelaran-gelaran kehormatan adalah penghormatan tinggi yang diberikan kepada seseorang Individu oleh Sultan ataupun Yang Dipertuan serta Yang Dipertuan Agong. Ini termasuklah pelbagai pangkat yang dianugerahkan yang membezakan kedudukan mereka daripada rakyat jelata (Mohd Zulkifli

Hj Abdul Aziz, 1992, pp.xxi & 24). Berikut adalah beberapa anugerah kerajaan Malaysia sepertimana yang disusun oleh unit pengurusan bintang dan penyelidikan:-

Jadual 6.6: Susunan Keutamaan DKBPP dan gelaran hormat

No	DKBPP	Singkatan	Gelaran Hormat
1.	Seri Pahlawan Gagah Perkasa	SP	-
2.	Darjah Kerabat Diraja Malaysia	DKM	-
3.	Darjah Utama Seri Mahkota Negara	DMN	-
4.	Seri Maharaja Mangku Negara	SMN	Tun
5.	Seri Setia Mahkota Malaysia	SSM	Tun
6.	Darjah Bakti	DB	-
7.	Panglima Mangku Negara	PMN	Tan Sri
8.	Panglima Setia Mahkota	PSM	Tan Sri
9.	Panglima Jasa Negara	PJN	Datuk
10.	Panglima Setia Diraja	PSD	Datuk
11.	Johan Mangku Negara	JMN	-
12.	Johan Setia Mahkota	JSM	-
13.	Johan Setia Diraja	JSD	-
14.	Kesatria Mangku Negara	KMN	-
15.	Kesatria Setia Diraja	KSD	-
16.	Ahli Mangku Negara	AMN	-
17.	Pingat Pangkuan Negara	PPN	-
18.	Bentara Setia Diraja	BSD	-
19.	Panglima Gagah Berani	PGB	-
20.	Jasa Perkasa Persekutuan	JPP	-
21.	Pingat Tentera Udara	PTU	-
22.	Pingat Kebaktian	PK	-
23.	Pingat Khidmat Berbakti	PKB	-
24.	Pingat Perkhidmatan Setia	PPS	-
25.	Kepujian Perutusan Keberanian	KPK	-
26.	Pingat Perkhidmatan Am	PPA	-
27.	Pingat Peringatan Malaysia	PPM	-
28.	Pingat Negara Bangsa-Bangsa Bersatu	PNBB	-
29.	Pingat Jasa Malaysia	PJM	-
30.	Pingat Pertabalan	-	-

Sumber: <http://www.istiadat.gov.my/> dirujuk pada 18/8/2014, pukul 7.15pm.

Dalam pada gelaran yang tersenarai di atas, gelaran seperti Tun, Tan Sri dan Datuk adalah dilihat sebagai gelaran yang tinggi statusnya. Selain itu, terdapat juga gelaran dan bintang-bintang kehormatan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada mereka yang berjasa kepada negara dan negeri. Pada umumnya setiap gelaran ini menggambarkan perbezaan kedudukan dan mempunyai prestij yang tertentu. Malah pangkat dan anugerah ini juga memberikan kuasa kepada mereka yang memilikinya dalam usaha mendapatkan keutamaan dalam pelbagai sektor (Mohd Zulkifli Hj Abdul Aziz, 1992, p.24).

Dalam filem *Kaliyugha* watak kedua-dua orang ahli politik digambarkan mempunyai gelaran kehormatan Datuk. Hal ini juga secara langsung menggambarkan pengaruh mereka dalam politik dan juga kerajaan. Gelaran ini amatlah diutamakan dalam kalangan ahli politik kerana ia memberikan kuasa dan prestij kepada mereka.

Biasanya kuasa yang diperoleh daripada politik adalah sesuatu yang mempunyai saingan dan tandingan. Oleh yang demikian, mereka yang ingin memiliki kuasa tersebut haruslah merebut peluang untuk mendapat kuasa dalam bidang ini. Dalam hal ini, mereka yang berkebolehan dan berkecayaan akan memperoleh kuasa dan kedudukan dalam bidang politik (Steven Lukes, 1974, p.26). Bukan itu sahaja malah kuasa politik juga boleh mengubah kedudukan seseorang individu daripada orang biasa kepada orang yang berkuasa. Sebagai contohnya, Abraham Lincon adalah berasal daripada keluarga miskin yang tidak memiliki sebarang status sosial. Tetapi setelah beliau menjadi presiden Amerika, kedudukannya berubah sehingga memerintah negara tersebut dan mengawal segala sektor

dengan kuasa yang telah diperolehnya (<http://www.biography.com/people/abrahamlincoln>, dirujuk pada 10/10/2014, pukul 10.00pm). Hal inilah yang dikatakan sebagai kemuncak kuasa yang dapat diperoleh daripada kuasa politik. Keadaan ini menjadi lebih berkuasa apabila seseorang itu berada pada parti pentadbiran.

Kuasa politik dalam sesuatu kerajaan adalah ditetapkan berdasarkan undang-undang. Dalam pada ini pihak yang mempunyai kuasa akan membuat keputusan bagi pihak masyarakat berdasarkan undang-undang tersebut (Rohana Yusuf, 2010, p.169). Biasanya ahli politik yang berada dalam kerajaan mampu membuat keputusan dan mengemukakan pelbagai pelaksanaan projek dalam negara. Kadang-kala hal ini juga akan mendapat bantahan daripada parti pembangkang mahupun dalam kalangan masyarakat. Perkara ini adalah antara perkara utama yang biasanya dibincangkan dalam parlimen. Namun demikian kuasa mutlak dalam membuat keputusan adalah terletak pada parti pemerintah. Sekiranya mereka memiliki kuasa dua pertiga perwakilan dalam pemilihan, perkara ini lebih mudah dilaksanakan (Joseph Lapalombara & Jefferey Anderson, 1992, p.393).

Sebagai contohnya, apabila sistem meritokrasi telah diperkenalkan dalam pengambilan kemasukan pelajar-pelajar ke universiti tempatan, ramai orang dalam kalangan masyarakat, badan-badan NGO dan beberapa parti politik telah mengemukakan bantahan terhadap program tersebut (<http://www.bernama.com> & <http://ww1.utusan.com.my>, dirujuk pada 2/6/20214, pukul 10.20am). Namun demikian

sistem meritokrasi telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara oleh kerajaan Malaysia.

Begitu juga dengan GST (Sistem untuk menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan kepada cukai konsumsi) yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia juga telah mendapat bantahan dan tekanan daripada masyarakat dan badan-badan NGO, parti pembangkang dan sebagainya (<http://www.buletinonline.net>, dirujuk pada 2/6/20214, pukul 10.25am). Namun demikian kerajaan didapati tetap dengan keputusannya mereka untuk melaksanakan GST. Oleh yang demikian kerajaan juga telah mengambil pelbagai langkah untuk memberikan justifikasi terhadap pelaksanaan GST di negara ini (<http://gst.customs.gov.my>, dirujuk pada 2/6/20214, pukul 10.32am).

Berdasarkan teori konflik, kuasa ini dirujuk sebagai perkara yang memainkan peranan penting dalam pengawalan dan dominasi dalam kalangan masyarakat bawahan. Walaupun berlaku pemberontakan daripada ketegangan antara golongan berkuasa dan golongan tidak berkuasa, tetapi kewujudan kuasa itu tetap memainkan peranannya sebagai pengawal dan mendominasi dalam sistem sosial (Steven Vago, 2004, p.61).

Berdasarkan teori ini perkara yang harus diperhatikan adalah unsur kuasa. Hal ini kerana mereka yang mempunyai kuasa dalam politik mampu melakukan apa jua mengikut kehendak mereka. Manakala mereka yang tidak mempunyai kuasa dalam politik hanya

boleh membuat bantahan tetapi tidak mampu melaksanakan sebarang tindakan mengikut kehendak mereka. Jika dilihat pada senario politik semasa, Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahatir Muhammad kini mengemukakan pelbagai komen dan teguran tentang tindakan dan kepimpinan kerajaan Malaysia (www.astroawani.com, dirujuk pada 2/6/20214, pukul 10.40am). Namun demikian kebanyakan komen beliau tidak dibawa dalam pelaksanaan kerana beliau bukan lagi pemerintah negara.

Hal ini dengan jelasnya menunjukkan kuasa politik adalah jauh lebih berkesan, sekiranya kuasa politik itu tidak ada idea seseorang yang pernah pegang sebarang jawatan tertinggi sukar dilaksanakan. Selain itu, ahli politik tersebut harus berada dalam pemerintahan. Perkara inilah yang dinyatakan dalam filem *Kaliyugha* daripada dialog seorang ahli politik yang menyatakan bahawa dirinya adalah orang yang paling berkuasa.

Daripada penelitian dalam bahagian ini dapatlah disimpulkan bahawa politik adalah sebuah kuasa yang paling berpengaruh. Kuasa ini dapat menjadi lebih mantap apabila seseorang ahli politik berada pada parti pemerintahan. Kuasa dalam politik pula memberikan suatu kedudukan kepada seseorang ahli politik yang membawa penghormatan melalui gelaran dan anugerah. Hal ini pula akan membawa perbezaan antara masyarakat biasa dan golongan politik. Kuasa politik yang dimiliki oleh ahli politik ini sudah tentu mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

6.2.4. Kuasa Badan Kerajaan

Kerajaan adalah sebuah institusi pentadbiran politik yang mempunyai kuasa memerintah dalam sesuatu kawasan sempadan yang tertentu. Kerajaan mempunyai kuasa autoriti untuk mengawal dan mempengaruhi tindakan masyarakat dalam kawasan wilayahnya. Kerajaan mempunyai kuasa untuk membentuk, melaksanakan dan penginterpretasi undang-undang dalam usaha pentadbiran negara (Mady, 2008, p.353). Dalam pada ini, kerajaan boleh membentuk badan kerajaan untuk mentadbir negara dalam pelbagai bidang.

Badan kerajaan adalah agensi pentadbiran yang ditubuhkan oleh sesuatu kerajaan itu untuk melaksanakan polisi-polisi mereka berdasarkan undang-undang yang ditetapkan dan sedia ada. Badan-badan kerajaan ini berfungsi di bawah kerajaan pusat (kementerian) mahupun kerajaan negeri (Ken Adams, <http://www.adamsdrafting.com>, dirujuk pada 8/12/2013, 10.30pm). Badan kerajaan ini mempunyai kuasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditentukan oleh kerajaan dalam usaha memberikan perkhidmatan dan mengawal tindakan masyarakat berdasarkan undang-undang yang ditentukan (Ramanathan, 1999, p.170). FFTM, hanya menunjukkan pihak polis sebagai badan kerajaan yang melaksanakan tugas memberikan perkhidmatan dan mengawal tindakan masyarakat berdasarkan undang-undang negara.

6.2.5. Maklumat Aspek Kuasa Badan Kerajaan Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa empat daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek kuasa badan kerajaan.

Jadual 6.7: Maklumat aspek kuasa badan kerajaan dalam FFTM.

No	Filem	Kuasa Badan Kerajaan
1	<i>Chemman Chaalai</i>	
2	<i>Aandal</i>	√
3	<i>Uyir</i>	
4	<i>Ethirkalam</i>	√
5	<i>Chalanggai</i>	
6	<i>Vajram</i>	
7	<i>Adutha Khattam</i>	
8	<i>Ops Kossa Dappa 3</i>	
9	<i>Kaliyugha</i>	
10	<i>Olli</i>	√
11	<i>Olipathivu</i>	√
12	<i>Dhusrajanam</i>	
13	<i>Maraimugam</i>	

Filem *Aandal* didapati memuatkan sebuah adegan sahaja yang berkaitan dengan pihak polis. Dalam adegan tersebut, watak Suresh digambarkan ditahan oleh pihak polis atas kes pembunuhan rakanya Guna (01:38:00).

Seterusnya, dalam adegan yang kedua pada filem *Ethirkalam*, seorang pegawai polis digambarkan menghormati dengan tabik kepada pegawai polis atasan mengikut

hierarki dalam pentadbiran polis (00.03.21). Dalam sebuah lagi adegan yang lain, seorang pegawai polis atasan digambarkan memberikan arahan kepada pegawai polis bawahan untuk memaklumkan tentang kes gengsterisme yang berlaku di kawasan tersebut secepat mungkin (00.48.03). Dalam adegan yang lain pula, watak Kathir dan rakan-rakannya digambarkan ditahan oleh pihak polis atas kesalahan melibatkan diri dalam pergaduhan di sebuah pusat karaoke (01.38.40).

Dalam filem *Olli* pula, seorang pegawai polis digambarkan memberikan arahan kepada pegawai polis bawahan untuk menyiasat sebuah kes pembunuhan (00.39.17). Keadaan yang sama turut digambarkan dalam filem *Olipathivu* di mana, seorang pegawai polis atasan digambarkan memberikan arahan kepada pegawai polis bawahan untuk menyiasat sebuah lagi kes pembunuhan yang telah berlaku di kawasan tersebut (00.48.08). Dalam sebuah lagi adegan pada filem ini, pihak polis digambarkan menahan watak Ram yang telah merancang pembunuhan bersiri yang telah berlaku di kawasan tersebut (01.38.10). Pada adegan yang lain pula, seorang pegawai polis digambarkan memberikan amaran kepada seorang penyeludup untuk memberhentikan perbuatan tersebut (00.39.45).

6.2.6. Analisis

Daripada penelitian terhadap FFTM, hanya dua perkara iaitu kuasa pihak polis dalam menahan para jenayah dan hierarki dalam institusi polis digambarkan sebagai aspek yang menunjukkan kuasa pihak tersebut sebagai badan kerajaan.

Biasanya kuasa yang wujud dalam agensi kerajaan adalah kuasa yang ditentukan dan dikawal mengikut undang-undang dan peraturan negara. Walaupun pihak agensi kerajaan adalah pihak yang berautoriti tetapi segala aktiviti mereka ini perlulah dilakukan berdasarkan undang-undang (Mohd Fadzilah Kamsah & Md Yadi said, 2005, p.4). Pasukan Polis DiRaja Malaysia adalah agensi terpenting dalam unit penguatkuasaan undang-undang dan badan penyiasatan yang mempunyai kuasa sejajar dengan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan. Biasanya kuasa mereka adalah ditentukan dalam seksyen 3(3) Akta Polis 1967 (*Kuasa-Kuasa Polis Diraja Malaysia*, 1992, p.15).

Pada umumnya kuasa dikatakan wujud dalam dua bentuk iaitu kuasa secara formal dan kuasa tidak formal. Kuasa formal ini adalah dilaksanakan berdasarkan undang-undang dan peraturan. Manakala kuasa tidak formal adalah kuasa yang tidak berasaskan pada undang-undang atau sebarang peraturan. Kuasa ini hanya wujud dalam bentuk pemahaman dan etika kehidupan. Sebagai contohnya kuasa ibu-bapa dan orang tua dalam keluarga

adalah jenis kuasa tidak formal yang berasaskan pada etika dan kasih sayang (Mohd Fadzilah Kamsah & Md Yadi said, 2005, p.4).

Kuasa polis yang berasaskan undang-undang adalah kuasa formal yang mempunyai tatacara dalam melaksanakan sebarang tindakan. Dalam FFTM seperti *Aandal*, *Ethirkaalam* dan *Olipathivu* pegawai polis digambarkan menahan para penjenayah serta pesalah lalu mengurungkan mereka di balai polis dan penjara. Hal ini adalah tertakluk kepada undang-undang. Berdasarkan Akta Polis 1967, pihak polis adalah ditugaskan untuk berkhidmat di seluruh Malaysia untuk memelihara undang-undang, menjaga ketenteraman dan keamanan dalam negara. Untuk itu mereka telah diperuntukkan kuasa bagi mengesan dan mencegah jenayah dalam kalangan masyarakat. Mereka juga berhak untuk menangkap dan mendakwa pesalah di sisi undang-undang. Manakala seksyen 2, kanun prosedur jenayah pula memperuntukkan kuasa kepada pihak polis untuk menangkap dan menahan para pesalah dengan waran ataupun tanpa waran (*Kuasa-kuasa Polis DiRaja Malaysia*, 1992, p.15).

Kuasa yang dimiliki oleh pihak polis ini adalah dirujuk sebagai kuasa yang berasaskan undang-undang rasional kerana perkara ini memberikan kuasa yang sah dan autoriti kepada mereka. Kadang-kala pihak polis juga mengaplikasikan kuasa mereka dalam bentuk kekerasan. Penggunaan kuasa secara kekerasan ini adalah amat penting dalam membanteras jenayah. Kuasa kekerasan ini dikatakan adalah suatu proses untuk memantau pelaksanaan sesuatu kerja berdasarkan sistem yang ditetapkan (Mohd Fadzilah Kamsah & Md Yadi said, 2005, p.143). Hal ini dengan jelasnya digambarkan dalam aksi

penahanan watak Suresh dalam filem *Aandal* dan Katir serta rakan-rakannya dalam filem *Ethirkaalam*. Mereka ini diserbu secara tiba-tiba oleh pihak polis dan ditahan.

Bala, pegawai Yayasan Perangkaan Jenayah menyatakan bahawa penggunaan kekerasan dalam menahan para penjenayah adalah satu pendekatan yang penting dalam tugas pihak polis. Beliau menyatakan bahawa kadang-kala mereka terpaksa menggunakan das tembakkan untuk menakutkan serta menahan penjenayah yang mampu melawan balik dengan menggunakan senjata berbahaya. Jika pihak polis tidak menggunakan kekerasan dalam hal menahan penjenayah seperti ini maka ia mungkin akan membawa kegagalan dalam operasi mereka (Temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014). Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa penggunaan kuasa polis yang digambarkan dalam FFTM yang dinyatakan di atas adalah selaras dengan realiti pihak polis di negara ini.

Selain itu, hormat-menghormati pegawai atasan di institusi polis juga dilihat sebagai suatu disiplin yang sah dan dimestikan dalam struktur organisasi polis. Hal ini adalah terhasil daripada struktur organisasi pihak polis. Teori struktural-fungsional menyatakan bahawa struktur yang terdapat dalam sesuatu organisasi akan menentukan kedudukan berasaskan pada fungsi. Pada masa yang sama kedudukan struktur organisasi yang berbeza ini juga membawa ketaksamaan sosial dalam organisasi tersebut. Tetapi ketaksamaan sosial ini adalah diberi makna daripada fungsinya yang dimainkan oleh individu yang berada pada setiap kedudukan dalam hierarki. Hal ini pula akan mengekalkan struktur organisasi

tersebut dan mewujudkan hubungan sosial yang kekal dan stabil dalam institusi sosial (Steven Vago, 2004, p.64).

Apa yang dimaksudkan dalam teori inilah diaplikasikan dalam organisasi polis untuk memastikan tugas pihak polis dijalankan dengan lancar. Kuasa yang diagihkan dalam bentuk piramid memastikan individu yang berada pada setiap kedudukan untuk melaksanakan fungsi mereka dalam organisasi tersebut. Pada masa yang sama pembahagian kedudukan ini juga memberikan kuasa kepada mereka dalam membuat keputusan mengikut kuasa yang diperuntukkan kepada mereka berdasarkan undang-undang. Hal ini pula akan menjamin struktur organisasi tersebut supaya berfungsi secara lancar dan teratur (Kelsall & Helen. 1974, p.34).

Konsep inilah yang digambarkan dalam FFTM seperti *Ethirkaalam*, *Olli* dan *Olipathivu*. Dalam filem-filem tersebut pihak polis atasan sentiasa digambarkan ditabik hormat oleh pegawai polis bawahan sebagai suatu penghormatan kepada mereka. pada masa yang sama pihak polis bawahan juga digambarkan melaksanakan segala tugas mengikut arahan pegawai polis atasan. Hal ini dilihat sebagai suatu disiplin dalam agensi polis. Pada masa yang sama keadaan ini juga menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka kerana wujudnya satu hierarki. Penelitian terhadap adegan-adegan dalam FFTM juga menggambarkan keadaan di mana para pegawai polis menerima arahan daripada pegawai atasan dan melaksanakannya. Maka kewujudan hierarki ini dapatlah dikatakan membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka.

Pegawai Yayasan Perangka Jenayah, Bala menyatakan bahawa tabik hormat adalah suatu disiplin yang wajib dalam institusi polis. Perkara ini bukan sahaja dilihat sebagai tanda penghormatan kepada pegawai polis atasan tetapi juga dirujuk sebagai amalan disiplin dalam kalangan mereka. Itulah antara sebab-sebab mengapa hal ini dijadikan sebagai amalan dalam kalangan mereka sejak menyertai kursus latihan polis. Bukan itu sahaja, tetapi unsur umur juga tidak memainkan fungsinya dalam amalan tabik. Walaupun pegawai atasan adalah orang muda dan pegawai bawahan adalah lebih tua daripadanya tetapi pegawai polis bawahan mesti tabik kepada pegawai atasan (temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014).

Teori semiotik menyatakan bahawa apa juga perkara yang digunakan dalam sosiologi boleh menjadi tanda apabila perkara itu menghasilkan makna dan fungsinya (Albert Sebeok, 1994, p.3). Berdasarkan teori ini, tabik juga adalah suatu tanda yang membawa maknanya sebagai penghormatan kepada pegawai atasan dan tanda disiplin dalam kalangan pegawai polis. Pada masa yang sama ia juga menjadi tanda yang menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka.

Kajian terhadap pihak polis sebagai agensi kerajaan secara langsung menggambarkan kewujudan kuasa dalam agensi tersebut. Kajian menunjukkan bahawa kuasa mereka ini berkebolehan untuk menahan mana-mana pihak yang bersalah. Tetapi kuasa ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang ditetapkan. Selain itu,

kewujudan hierarki secara formal juga menggambarkan batasan kuasa mereka dalam agensi tersebut. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa kuasa yang wujud dalam kalangan mereka adalah kuasa formal yang boleh berfungsi dengan kuat dalam kehidupan sosial. Secara langsungnya kuasa ini juga melahirkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat kerana pihak polis mempunyai kuasa dominasi dan pengawalan dalam kalangan masyarakat.

6.2.7. Kuasa Ketua Dan Pengurus

Ketua dan pengurus adalah mereka yang mempunyai kuasa pentadbiran dalam sesuatu organisasi. Pada umumnya ketua atau pengurus dapatlah dikatakan sebagai suatu jawatan yang tertinggi dalam sesuatu organisasi. Mereka yang memegang jawatan sebagai ketua harus berkebolehan tinggi untuk memandu jawatankuasa atau pengurusannya ke arah pencapaian objektif organisasi. Ketua juga harus mempunyai kuasa untuk mempengaruhi pengikutnya (Michael Munger, 2008, p.376-377).

Manakala pengurus serta mereka yang berada dalam badan pentadbiran pula harus mempunyai kebolehan untuk mengurus dan mentadbir sesuatu organisasi kepada hala tuju organisasi tersebut. Pengurusan adalah lebih merujuk kepada kepimpinan (James Burrow

& Brad Kleindl, 2012, p.55). Biasanya kuasa memainkan peranan penting dalam melaksanakan fungsi pentadbiran sesuatu organisasi. Dalam sesuatu pentadbiran kuasa ini lebih menonjol apabila sesuatu tugas atau kerja tidak dijalankan sepertimana yang ditentukan atau dikehendaki oleh pihak pentadbir. Hal ini kerana kuasa adalah lebih berfungsi untuk memastikan segala tugas dijalankan seperti mana yang diatitkan (Jayantee Saha. 2006, p.509).

6.2.8. Maklumat Aspek Kuasa Ketua dan Pengurus dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa enam daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek kuasa ketua dan pengurus.

Rajah 6.8: Maklumat aspek kuasa ketua dan pengurus dalam FFTM.

No	Filem	Kuasa Ketua dan Pengurus
1	<i>Chemman Chaalai</i>	√
2	<i>Aandal</i>	
3	<i>Uyir</i>	√
4	<i>Ethirkalam</i>	√
5	<i>Chalanggai</i>	
6	<i>Vajram</i>	
7	<i>Adutha Khatam</i>	
8	<i>Ops Kossa Dappa 3</i>	√
9	<i>Kaliyugha</i>	√
10	<i>Olli</i>	
11	<i>Olipathivu</i>	
12	<i>Dhusrajanam</i>	√
13	<i>Maraimugam</i>	

Dalam sebuah adegan filem *Chemman Chaalai*, watak Shalu digambarkan menoreh getah sebagai ganti kepada emaknya kerana emak Shalu tidak sihat. Tetapi mengikut peraturan ladang tersebut, budak sekolah tidak dibenarkan menoreh getah. Dalam keadaan itu, kerani ladang yang telah mengesan kesalahan Shalu menegur Shalu lalu merampas pisau penoreh getah daripadanya (00.19.20). Dalam sebuah lagi adegan, ayah Shalu digambarkan menyatakan pada isterinya tentang layanan buruk oleh kerani ladang tersebut tanpa sebarang sebab telah membuatkan beliau marah lalu melawan balik dengan orang tersebut (00.35.32).

Seterusnya, dalam filem *Uyir* pula, ayah Kathir adalah seorang pengurus ladang. Dalam sebuah adegan, ayah Kathir digambarkan mengingatkan kepada Kathir dan rakan-rakannya supaya menghormati peraturan, tradisi dan kepercayaan di ladang tersebut. Dalam adegan yang sama beliau turut digambarkan memberikan arahan kepada penolong pengurus ladang tersebut untuk membantu dan menjaga Kathir dan rakan-rakannya serta memenuhi keperluan mereka (00.17.04).

Selain itu, dalam filem *Ethirkalam* pula, Kathir dan rakan-rakannya digambarkan dipecat daripada kolej kerana pihak polis telah menahan mereka atas kes pergaduhan (01.50.00). Seterusnya, Aspek kuasa pentadbiran agensi swasta juga turut digambarkan dalam filem *Ops Kossa Dappa 3*. Dalam sebuah adegan pada filem tersebut pengarah agensi penyiasatan 4SS digambarkan memberikan arahan kepada ahli kumpulannya untuk menyelesaikan sebuah kes yang berkaitan dengan gengsterisme dan penyeludupan

(00.17.45). Dalam adegan yang lain mereka ditugaskan untuk menyiasat sebuah kes pembunuhan yang berlaku di Tasik Titiwangsa (01.51.13).

Dalam beberapa adegan pada filem ini, watak Samy dan Seethu sentiasa ditegur oleh bos agensi 4SS kerana mereka gagal dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan sempurna. Tetapi Samy dan Seethu tidak melawan balik terhadap kata-kata bos mereka. Mereka hanya digambarkan berkongsi perasaan tidak puas hati dengan teguran bos bersama rakan-rakan sekerja (01.05.00).

Filem *Kaliyugha* pula adalah sebuah filem yang berfokuskan kepada situasi di sebuah hospital sakit jiwa. Dalam sebuah adegan pada filem tersebut, watak doktor Mary digambarkan bertanya kepada pembantunya tentang bunyi jeritan seorang pesakit jiwa. Manakala pembantu tersebut memaklumkan pada doktor Mary bahawa beliau tidak boleh pergi berjumpa dengan pesakit jiwa tersebut tanpa kebenaran pengarah hospital (00.11.03). Tetapi doktor Mary digambarkan tidak mengikuti arahan dan telah berjumpa dengan pesakit jiwa tersebut. Oleh yang demikian, doktor Mary digambarkan ditegur oleh pengarah hospital tersebut atas perbuatannya yang tidak mengikuti arahan beliau (02.15.00).

Selain itu, dalam sebuah babak pada filem *Dhusrajanam*, watak Kuttan (wira) digambarkan dipukul oleh bosnya (pemilik kandang kambing) kerana seekor kambing telah hilang semasa di bawah jagaan Kuttan. Mereka memukul Kuttan kerana, khuatir hal ini

berlaku atas kecuaiannya Kuttan dalam kerjanya. Namun demikian, Kuttan digambarkan tidak melawan balik bosnya (00.41.00).

6.2.9. Analisis

Penelitian terhadap adegan-adegan FFTM, menggambarkan kewujudan kuasa dalam institusi pekerjaan iaitu di ladang, kolej, agensi penyiasatan swasta dan hospital. Kesemua adegan tersebut adalah berkaitan dengan unsur pengurusan dan pentadbiran. Dalam pada ini, kedudukan pihak pentadbiran di ladang adalah suatu isu yang penting kerana hal ini berkait rapat dengan kehidupan kelompok masyarakat India Malaysia.

Sebenarnya kehidupan di kawasan ladang adalah dilihat sebagai salah satu identiti latar belakang masyarakat India Malaysia. Hal ini kerana, penempatan awal majoriti masyarakat India yang telah dibawa masuk ke Tanah Melayu pada zaman penjajahan British adalah kawasan ladang (Sandhu, 1993, p.153). Mereka ini telah berusaha di ladang getah, kelapa sawit, kopi, tebu dan sebagainya. Mereka ini diletakkan di bawah kawalan pentadbiran pihak pengurus ladang (Nagarajan, 2008, p.379).

Struktur organisasi di kawasan ladang biasanya terbentuk dalam tiga tahap. Ini termasuklah pihak pemilik/pengurus ladang, kerani/kangani dan juga buruh. Pihak pengurus dan pemilik ladang biasanya jarang bergaul rapat dengan golongan buruh. Golongan buruh ini dikawal oleh golongan kerani dan kangani (Kamariddin M Said, 1984, pp.114-115). Manakala golongan kerani juga dikatakan tidak mempunyai hubungan yang baik dengan pekerja buruh dan pernah melakukan penindasan terhadap masyarakat India pada masa tersebut (Krishnan Maniam, 1993, p.46).

Keadaan ini dikatakan amat buruk pada zaman penjajahan British. Pada masa tersebut golongan buruh tidak dibenarkan untuk memakai kasut dan menyikat rambut. Jika mereka berjumpa dengan pihak pengurusan ladang seperti pengurus, kerani dan sebagainya mereka harus menyampaikan salam hormat. Pada masa tersebut jika mereka menunggang basikal, maka harus turun daripada basikal dan menyampaikan salam hormat pada mereka. Manakala golongan kangani pula dikatakan meronda di kawasan ladang dengan rotan bagi menghukum mereka yang didapati berlaku tidak akur pada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pentadbiran ladang (Sandhu, 1969, pp.171-188).

Masyarakat di ladang didapati tidak berani melawan pihak pentadbiran ladang. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan daripada masyarakat buruh India di ladang pada masa tersebut adalah buta huruf dan kurang berpendidikan. Hal ini membuka ruang kepada pihak pentadbir ladang untuk mengawal tindakan masyarakat India dengan senang (Kuamarasamy Tannimalai, 2011, pp.25-26).

Dengan itu, pihak pentadbiran ladang telah memberikan tekanan kepada golongan buruh untuk melakukan kerja-kerja dalam sektor mereka pada gaji yang jauh lebih rendah. Petempatan mereka di ladang juga tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang secukupnya (Jomo Kwame Sundaram, 1993, pp.302-303). Sebenarnya memberikan tekanan kepada pekerja untuk melakukan kerja adalah satu teknik penggunaan kuasa dalam pengurusan dan pentadbiran (Mohd Fadzilah Kamsah & Md Yadi said, 2005, p.169). Tetapi hal ini dikatakan menjadi terlampau dalam kes masyarakat India di kawasan ladang kerana mereka telah dilayani seperti hamba (Jeyakumar, 1993, p.420).

Sebab itulah pada tahun 1941 berlaku mogok yang dianjurkan oleh buruh India ladang di Klang untuk mengemukakan beberapa permintaan asas seperti gaji yang sama antara kaum India dan Cina, menghentikan penindasan yang berlaku terhadap buruh India khususnya kaum wanita oleh kerani dan kangani, pendidikan kepada anak-anak mereka, perkhidmatan rawatan serta perubatan, kebebasan bersuara, menutup kedai todi, menghapuskan sistem kerja selama sepuluh hingga dua belas jam, menghapuskan sistem hamba di ladang, menubuhkan kesatuan sekerja dan sebagainya (Janakey Raman, 2009, pp.86-87). Kesemua aspek ini menggambarkan kuasa pihak pentadbiran di ladang yang telah membuka ruang kepada penindasan terhadap kaum pekerja buruh. Keadaan inilah yang digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai*, di mana ayah Shalu digambarkan dibuli oleh seorang kerani di ladang di depan orang kampungnya membuatkan beliau berasa amat malu dan marah.

Hal ini adalah suatu perkara yang berkait rapat dengan teori konflik. Teori ini menyatakan bahawa golongan yang mempunyai kuasa biasanya akan mengenakan kawalan dan dominasi terhadap golongan bawahan. Hal ini pula akan menjadi punca untuk berlakunya penindasan dan pemaksaan terhadap golongan bawahan. Perkara ini akan membawa kepada berlakunya konflik dalam kalangan golongan bawahan yang menguatkan ketegangan antara golongan kapitalis dan buruh. Pada akhirnya konflik ini akan membawa kepada berlakunya pemberontakan. Manakala pemberontakan ini berpeluang membuka ruang kepada kewujudan perubahan sosial (Paul Sites, 1973, p.99). Keadaan inilah yang telah berlaku dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia ladang yang telah menyedari kepentingan mereka dan telah membuat mogok demi menjaga kepentingan golongan masyarakat tersebut (Janakey Raman, 2009, pp.86-87).

Teknik penggunaan tekanan pihak pengurusan, biasanya tidak akan berfungsi dalam semua keadaan dan tidak boleh berterusan. Kuasa tekanan ini kadangkala akan mewujudkan keadaan berlakunya tentangan dan pemberontakan oleh golongan yang tidak berpuas hati dengan dominasi tersebut (Dahrendorf, 1968, p.139). Pengurusan yang menggunakan kuasa tekanan ini kadangkala memberikan peluang kepada mereka untuk menggunakan kata-kata kesat dan memalukan pekerja. Keadaan ini pula akan membuka ruang kepada pekerja untuk menentang pihak pengurusan (Mohd Fadzilah Kamsah & Md Yadi said, 2005, p.169). Perkara inilah yang dipaparkan dalam filem *Chemman Chaalai*.

Dalam sebuah adegan ayah Shalu menyatakan kepada isterinya bahawa beliau telah melawan seorang kerani yang telah memalukan beliau di depan orang ramai.

Biasanya dalam pentadbiran ladang, pengurus merupakan orang yang paling berkuasa dan berautoriti. Keseluruhan kawasan ladang adalah di bawah kekuasaan kawalan dan arahan pengurus. Mereka mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam ladang tersebut. Manakala para kerani dan kangani pula sentiasa melaksanakan segala arahan pengurus. Perkara ini digambarkan dalam filem *Uyir*. Dalam filem tersebut ayah Kathir sebagai pengurus ladang digambarkan memberikan arahan kepada penolong pengurus untuk melaksanakan beberapa tugas. Memberikan arahan adalah salah satu kuasa sah yang dimiliki oleh seseorang pengurus dalam pentadbiran ladang (Thenuwara Gamage, 2006, p.100).

Selain itu, seseorang ketua atau pemilik syarikat juga dikatakan mempunyai pelbagai kuasa seperti memberikan arahan, memberikan ganjaran atau hukuman, membuat dan membatalkan keputusan dan sebagainya yang dapat diaplikasikan dalam pentadbirannya terhadap pekerja bawahan (Zulnaidi Yaacob, 2010, pp.144-145). Kesemua kuasa ini adalah teknik untuk mengawal dan membuatkan orang bawahan supaya mengikut pada arahan dan melaksanakan tugas mereka dalam sesebuah institusi (Juhary Haji Ali & Ishak Ismail, 2004, p.6).

Dalam pada ini, kuasa memberikan ganjaran adalah teknik yang paling efektif membuatkan orang lain supaya senang akur kepada seseorang ketua atau pengurus. Biasanya dalam sesebuah syarikat, ganjaran yang ditentukan dalam bentuk gaji, perkongsian, saham dan sebagainya menjadi aspek utama dalam membuatkan seseorang pekerja bawahan untuk menerima dan melaksanakan tugas. Manakala ganjaran itu juga membuatkan pekerja bawahan supaya tidak melawan atau menolak arahan ketua dan menerima teguran mereka walaupun kadangkala teguran tersebut agak kasar (Zulnaidi Yaacob, 2010, pp.144-145).

Perkara ini kelihatan dengan jelas dalam filem *Ops Kossa Dappa 3*, di mana walaupun bos agensi penyiasat 4SS sentiasa menegur dan marah terhadap Samy dan Seethu tetapi mereka pula digambarkan tidak melawan teguran bos mereka kerana takut akan kehilangan kerja dan ganjaran daripada projek yang sedang dilaksanakan.

Selain itu, seseorang ketua juga harus mempunyai kuasa untuk memberikan hukuman kepada pekerja bawahannya untuk memantau dan membuatkan pekerja tersebut supaya tidak mengulangi kesilapan (Gitlow, 2004, p.178). Tetapi kuasa memberikan hukuman ini biasanya hanya digunakan oleh seseorang ketua atau pengurus sebagai tindakan terakhir dalam pengurusan sumber manusia kerana hal ini mungkin boleh membawa implikasi yang sebaliknya (Zulnaidi Yaacob, 2010, p.144).

Hal ini digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai* dan *Dushrajanam*. Dalam filem *Chemman Chaalai*, Seorang kerani ladang menangkap Shalu yang telah menoreh getah sebagai ganti kepada emaknya, lalu beliau merampas pisau toreh sebagai hukuman kepada kesalahan tersebut. Manakala dalam filem *Dushrajanam*, watak Kuttan digambarkan dipukul oleh bosnya (pemilik kandang kambing), kerana salah sangka bahawa kecuaiannya Kuttan menjadi punca kehilangan seekor kambing di kandangnya. Sebagai hukumannya beliau telah memukul Kuttan. Tetapi dalam keadaan sebenarnya, bos tersebut telah menghukum Kuttan yang tidak bersalah. Sebab itulah dikatakan bahawa kuasa hukuman itu harus ditempatkan sebagai kuasa terakhir dalam sesuatu pentadbiran.

Kuasa untuk memberikan arahan, menegur, dan menetapkan peraturan juga termasuk dalam kuasa ketua dan pengurus (Lussier & Achua, 2015, p.149). Hal ini kerana ketua adalah orang yang bertanggungjawab atas kejayaan dan kegagalan pekerja bawahan. Manakala ketua pula dipertanggungjawabkan untuk mengurus pekerja bawahannya ke hala tujuan yang betul. Dalam hal ini, kuasa memberikan arahan dan menentukan peraturan akan memainkan peranan yang penting dalam sistem pengurusan yang cekap (Juhary Haji Ali & Ishak Ismail, 2004, p.6).

Hal ini juga digambarkan dengan jelas dalam filem *Kaliyugha*. Dalam filem tersebut pengarah hospital sakit jiwa digambarkan menegur doktor Mary kerana ingkar arahannya dan berjumpa dengan seorang pesakit jiwa yang berbahaya. Dalam keadaan ini pengarah

hospital tersebut menggunakan kuasanya untuk memberikan amaran kepada doktor Mary supaya mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam hospital tersebut.

Kesemua aspek ini adalah berkaitan dengan kuasa yang dimiliki oleh seseorang ketua untuk mengawal tindakan orang bawahan dalam sesuatu organisasi. Tetapi kuasa mengawal ini sahaja adalah tidak cukup untuk menentukan kewibawaan seseorang ketua (Tony Deblauwe, 2009, p.50). Seseorang individu mungkin boleh berpeluang untuk memiliki sesuatu kedudukan sebagai ketua atau pentadbir. Tetapi ini bukan bermaksud orang tersebut mempunyai kuasa yang sepenuhnya sepertimana ketua-ketua lain di organisasi tersebut sebelum itu. Hal ini kerana kuasa ini bukanlah perkara yang dimiliki oleh seseorang individu tetapi terhasil daripada keupayaan karisma yang ada pada dirinya (Zulnaidi Yaacob, 2010, p.147).

Tahap kewibawaan dan karisma yang ada pada diri seseorang individu pula ditentukan berdasarkan bentuk pengurusan dan corak kepimpinan yang membuatkan setakat mana orang bawahan menerima individu tersebut sebagai seorang pemimpin (Juhary Haji Ali & Ishak Ismail, 2004, p.6).

Teori semiotik berdasarkan kod proairetik menyatakan bahawa aksi dan kelakuan akan menentukan keputusan tindakan yang dilakukan oleh seseorang individu. Pada masa yang sama tindakan manusia juga akan menentukan identiti kedudukannya yang membawa

kepada beberapa makna tertentu (Terence Hawkes, 1977, p.117). Berdasarkan teori ini, segala aktiviti dan aksi yang digambarkan dalam kajian ini dengan jelasnya menggambarkan kedudukan seseorang individu yang mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu. Kuasa-kuasa yang tertentu itu juga menjadi tanda sosial kepada individu tersebut yang membezakan diri mereka dengan individu yang lain.

Secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa kuasa dalam pengurusan dan kepimpinan adalah penting dalam sesuatu institusi. Jika tiada kuasa mempengaruhi dan mengawal orang bawahan, maka tugas tidak akan berjalan dengan lancar. Dalam hal ini, kuasa tidak sepatutnya menjadi perkara yang digunakan untuk menindas orang lain kerana hal ini akan membawa implikasi yang sebaliknya dalam sesuatu institusi. Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa kuasa ini juga membentuk ketaksamaan sosial antara pemimpin dan orang bawahan. Ketaksamaan ini pula adalah sesuatu yang telah diinstitusikan untuk kepentingan semua kerana jika tiada kuasa dan ketaksamaan ini maka produktiviti akan terjejas.

6.3. Kesimpulan

Daripada keseluruhan kajian dalam bab ini, dapatlah dikatakan bahawa FFTM tidak memaparkan kewujudan aspek-aspek kuasa secara mendalam dalam plot ceritanya.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh penonjolan unsur kuasa ini mungkin tidak sesuai dengan plot cerita dalam FFTM yang terpilih dalam kajian semasa. Hal ini kerana kebanyakan cerita dalam FFTM adalah berkaitan dengan isu-isu sosial masyarakat India dan tidak berfokus kepada politik mahupun pentadbiran.

Walau bagaimanapun, aspek kuasa ini didapati dengan jelasnya dipaparkan dalam unsur gender. Perkara ini jelas kelihatan dalam adegan-adegan yang berkaitan dengan institusi keluarga. Kajian juga menunjukkan bahawa perkara yang digambarkan dalam FFTM yang berkaitan dengan kuasa gender adalah menggambarkan ketaksamaan sosial seperti mana yang wujud dalam realiti kehidupan orang India Malaysia dan tidak keterlaluan.

Tetapi kuasa dalam aspek politik ini didapati tidak diangkat sepenuhnya dalam FFTM. Sebenarnya kaum India adalah kaum ketiga terbesar di Malaysia yang mempunyai kepentingan dalam perkembangan politik nasional. Namun demikian hal ini hanya digambarkan dalam satu filem Tamil antara tiga belas filem yang dianalisis dalam kajian semasa. Hal yang dipaparkan juga didapati tidak begitu efektif. Keadaan ini turut kelihatan dalam penggunaan kuasa di agensi kerajaan, kuasa sebagai ketua dan pengurus. Walaupun perkara-perkara ini kurang diberi tumpuan dalam FFTM, tetapi apa yang digambarkan adalah menjelaskan kewujudan ketaksamaan sosial secara langsung. Penggunaan kuasa golongan atasan terhadap golongan bawahan yang menjadi penindasan terhadap mereka

juga dipaparkan dalam FFTM. Hal ini jelas kelihatan dalam kehidupan masyarakat India di ladang.

Walau bagaimanapun dapatlah disimpulkan bahawa adegan-adegan yang berkaitan dengan unsur penggunaan kuasa dalam kehidupan masyarakat India yang dipaparkan dalam FFTM adalah secara langsung menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka.